


M U L A



Logo.



MASALAH SETINGGAN:
SATU KAJIAN KES DI KG. MUHIBAH, SG. RENGGAM,
SHAH ALAM

0 CM 1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 11 12 13 14 15

UNIVERSITY OF MALAYA LIBRARY . MICROFILM

0 MM 10 20 30 40 50 60 70 80 90 100 110 120 130 140 150

OLEH
KAMALA DEVI A. SUBRAMANIAM

Latihan Ilmiah ini dikemukakan kepada
Fakulti Ekonomi Dan Pentadbiran, Universiti Malaya
untuk memenuhi sebahagian daripada syarat
untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda
Ekonomi (B.Ec.) dengan (Kepujian)

Bahagian Pentadbiran Awam
Fakulti Ekonomi Dan Pentadbiran
Universiti Malaya

Sesi: 1991/92

Istimewa buat,

Ibu, ayah serta keluarga tersayang
dan juga Anand yang kucintai.

Abstrak

Masalah setinggan adalah salah satu masalah sosial yang sangat ketara di negara-negara sedang membangun khasnya. Setinggan merupakan beban kerajaan akibat proses pembangunan.

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui dengan lebih mendalam segala aspek yang berkaitan dengan masalah setinggan di Malaysia, dengan rujukan khas di Shah Alam, Selangor. Kesemua maklumat mengenai topik ini didapati melalui temuramah, borang soal selidik dan pembacaan. Perkara yang boleh didapati dalam latihan ilmiah ini adalah sebab dan akibat setinggan, kajian kes di Kg. Muhibah, cara mengatasi masalah setinggan ini, cadangan dan lain-lain lagi.

Masalah setinggan keretapi(railway squatters) ini dijadikan topik kajian memandangkan betapa pentingnya bagi kita mengetahui sebab berlakunya setinggan ini agar masalah ini dapat diatasi secepat yang mungkin. Buat masa ini, tindakan serius sedang diambil terhadap setinggan keretapi untuk melicinkan pelaksanaan Projek Landasan Berkembar.

PENGHARGAAN

Di sini, penulis ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka yang tersebut di bawah yang telah sama-sama bertanggungjawab ke atas kesempurnaan dan kejayaan latihan ilmiah ini :-

- (1) Dr.Phang Siew Nooi, Pensyarah Bahagian Pentadbiran Awam, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya atas segala nasihat, tunjuk ajar serta kerjasama beliau yang tidak terkira semasa menyelia dan menyiapkan latihan ilmiah ini.
- (2) Encik Abdul Radzak Abdul Malek, Penolong Pengurus Projek Landasan Berkembar KTM atas kerjasama serta makulamat yang telah diberikan.
Tidak lupa juga kepada Cik Muslimah yang membantu penulis bertemu dengan Encik Abdul Radzak.
- (3) Para penduduk Kg. Muhibah yang telah memberi kerjasama yang sepenuhnya semasa mengumpul data-data penyelidikan, terutamanya Encik Marimuthu sekeluarga yang juga merupakan keluarga angkat penulis semasa menjalankan penyelidikan.
- (4) Saudara George, Deva dan Ganesh, serta saudari Ann dan Rammani yang turut membantu semasa penyelidikan dan penyediaan rencana latihan ini.
- (5) Unit Pengajian Kependudukan yang telah memberi bantuan kewangan bagi menyediakan latihan ilmiah ini.

ISI KANDUNGAN

Jadual

- Daftar Jadual
- Daftar Peta
- Daftar Carta
- Daftar Gambar
- Daftar Ringkasan

Mukasurat

Bab I

PENDAHULUAN

A)	Latarbelakang	1
B)	Objektif Kajian	2
C)	Skop Kajian	2
D)	Methodologi Kajian	3
1)	Pemerhatian	3
2)	Temuramah secara rasmi dan tidak rasmi	4
3)	Kerja luar	4
4)	Penyelidikan dan Rujukan	5
E)	Masalah-masalah Yang Dihadapi	5
F)	Organisasi Bab-bab	6

Bab II

SETINGGAN DI MALAYSIA

A)	Pendahuluan	8
B)	Definisi Setinggan	8
C)	Sejarah Persetingganan	10
D)	Sifat-sifat am Kawasan Setinggan	12
1)	Keadaan rumah setinggan	12
2)	Kemudahan-kemudahan asas	12
3)	Penghuni setinggan	13
4)	Kebersihan dan kesihatan	14
E)	Jenis-jenis Setinggan	15
1)	Setinggan menyewa	15
2)	Setinggan pemilik	15
3)	Setinggan opportunis	16
4)	"The Squatter hold-over"	16
5)	Setinggan pemberi-sewa	16
F)	Kesimpulan	17

Bab III

SEBAB DAN AKIBAT BERSETINGGAN

A)	Pendahuluan	18
B)	Sebab-sebab wujudnya masalah setinggan	18
1)	Masalah kemiskinan	18
2)	Masalah perumahan	23
3)	Proses perbandaran/urbanisasi	26
a)	peluang pekerjaan	26
b)	penghijrahan/migrasi	27
4)	dasar penjajah	30
5)	tanah-tanah terbiar	31

C) Akibat kewujudan setinggan.....	33
D) Kesimpulan	34

Bab IV

KAJIAN SOSIO-EKONOMI SERTA MASALAH SETINGGAN

KG. MUHIBAH

A) Pendahuluan	35
B) Lokasi Kg. Muhibah	36
C) Sejarah Kg. Muhibah	36
D) Sosio-ekonomi Responden Kg. Muhibah	39
1) Penduduk dan Responden	39
2) Peringkat Umur	40
3) Saiz keluarga.....	41
4) Taraf Perkahwinan dan Bilangan Anak	42
5) Taraf Pendidikan dan Pekerjaan	44
6) Pendapatan Responden	46
7) Tempat Asal Responden	47
8) Sebab dan lama menetap	49
E) Masalah Setinggan Kg. Muhibah	51
1) Masalah memilik rumah	51
2) Kekurangan kemudahan	52
3) Masalah kebersihan.....	57
4) Lain-lain masalah	60
F) Kesimpulan	60

Bab V

CARA-CARA MENGATASI MASALAH SETINGGAN

A) Pendahuluan.....	61
B) Membasmi Kemiskinan	61
C) Atasi Masalah Perumahan	65
D) Membangunkan Kawasan Luar Bandar	70
E) Projek Sang Kanchil / Nadi.....	72
F) Tindakan Terhadap Setinggan Kg. Muhibah	73
G) Kesimpulan	75

Bab IV

ULASAN DAN CADANGAN

A) Pendahuluan.....	76
B) Ulasan Mengenai Setinggan	76
C) Kesan Projek Landasan Berkembar.....	78
D) Cadangan-cadangan	80
1) Membaiki sosio-ekonomi setinggan	
a) Strategi jangka pendek	80
b) Strategi jangka panjang	81
2) Memberi peluang memiliki rumah sendiri	82
E) Penutup	82

Appendix	
A) Borang soal selidik	83
B) Gambar-gambar	87
C) Notis	89
D) Bibliografi	90

Daftar Jadual

<u>Jadual</u>	<u>mukasurat</u>
3.1 Kadar Kemiskinan dan Bilangan Isi rumah Miskin 1985-95	21
3.2 Malaysia : Kemajuan Perumahan Sektor Awam dari Swasta, 1981-85	24
4.1 Menunjukkan Komposisi Etnik Responden	39
4.2 Umur Responden Mengikut Etnik	40
4.3 Menunjukkan Bilangan Ahli Dalam Keluarga Responden	41
4.4 Menunjukkan Taraf Perkahwinan Responden	42
4.5 Menunjukkan Bilangan Anak Responden	42
4.6 Menunjukkan Taraf Pendidikan Responden	44
4.7 Menunjukkan Pekerjaan Responden	45
4.8 Menunjukkan Pendapatan Responden Mengikut Ethnik	46
4.9 Menunjukkan Tempat Asal Responden	48
4.10 Sebab-sebab Responden Berhijrah	49
4.11 Menunjukkan Lama Menetap	50
4.12 Menunjukkan Jenis Bahanapi yang digunakan oleh Responden Kg. Muhibah	53
5.1 Kadar Kemiskinan dan Bilangan Isirumah Miskin 1985-95	64
5.2 Kemajuan dan Sasaran Perumahan Sektor Awam dan Swasta 1986-95	68
5.3 Projek Perumahan Terbengkelai Mengikut Negeri, 1990	69

Daftar Peta

Peta

3.1 Menunjukkan Migrasi Bersih ke Selangor Daripada Negeri Tempat Lahir, Semenanjung Malaysia, 1970	29
4.1 Menunjukkan Lokasi Kg. Muhibah dan sebahagian dari Bandar Shah Alam	37
4.2 Menunjukkan Kg. Muhibah	38
5.1 Landasan Berkembar KTM	74

Daftar Carta

3.1 Semenanjung Malaysia : Bilangan Isirumah Miskin dan Kadar Kemiskinan Mengikut Kumpulan Utama Miskin, 1970, 1976 dan 1984	22
--	----

Daftar Gambar

Gambar

1	Menunjukkan sebatang paip awam yang terpaksa dikongsi oleh beberapa keluarga	54
2	Menunjukkan barang elektrik yang biasa dijumpai di kebanyakan rumah setinggan	54
3	Satu-satunya jalan pasir utama di Kg. Muhibah	56
4	Tapak Pembinaan sebagai padang sementara	56
5	Tandas yang dibina di atas longkang	59
6	Kekotoran yang tersumbat dalam longkang	59

Daftar Ringkasan

AIM	= Agricultural Institute of Malaysia (Institut Pertanian Malaysia)
DBKL	= Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
FELCRA	= Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority
Kg.	= Kampung
KTM	= Keretapi Tanah Melayu
PKNS	= Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor
Sg.	= Sungai
MPSA	= Majlis Perbandaran Shah Alam

PENDAHULUAN

A. Latarbelakang

Masalah setinggan yang merupakan satu masalah sosial yang sering dihadapi oleh kesemua negara-negara sedang membangun dan juga negara-negara maju. Di Asia Tenggara, kewujudan setinggan di bandar-bandar besar seperti Jakarta, Bangkok dan Kuala Lumpur adalah menggambarkan satu keadaan pembangunan negara yang tidak sihat. Jadi, masalah yang ditimbulkan oleh setinggan kepada negara-negara berkenaan merupakan satu masalah nasional dan universal.¹

Fenomena setinggan ini menunjukkan pembangunan yang tidak seimbang di antara kawasan bandar dengan luar bandar di dalam satu negara dan juga di dalam bandar itu. Kewujudan setinggan juga melibatkan ketidakupayaan sistem ekonomi satu-satu negara itu menggunakan serta menampung sebahagian daripada penduduknya.

Di Korea misalnya, pendudukan tanah secara haram telah lama wujud. Semasa Korea pesat membangun pada tahun-tahun 1970an, telah ada seramai 218,000 keluarga setinggan dan lebih 70 peratus (%) dari jumlah ini wujud di Seoul.² Jumlah ini adalah merupakan 4 peratus (%) dari jumlah penduduk Korea. Pada masa kini, setiap tahun antara 500,000 hingga 700,000 orang meninggalkan kampung halaman untuk berpindah ke bandar-bandar besar mengakibatkan pertambahan tenaga buruh di bandar.³

-
1. T.G. McGee, The South East Asia City, G.Bell and Sons Ltd., London, 1967, m.s. 157
 2. Edwin S.Mills and Byung-Nak Song, Urbanization and Urban Problems, Harvard University Press, England, 1979, m.s. 137
 3. Battle For Housing Rights In Korea, Report of the South Korea Project of the Asian Coalition for Housing Rights 1989.

Oleh kerana peratusan penduduk setinggan di bandar-bandar membangun adalah besar, maka penyelesaian terhadap masalah yang timbul itu boleh mengganggu kestabilan ekonomi, sosial dan politik negara berkenaan. Tujuan menulis rencana ilmiah ini adalah bagi mendedahkan masalah sebenar yang sering di hadapi oleh penduduk setinggan dan juga pihak kerajaan yang terlibat dalam menyelesaikan masalah ini.

B. Objektif Kajian

Rencana ilmiah ini telah ditulis berdasarkan kajian ke atas penduduk setinggan secara am dan setinggan yang menduduki tanah simpanan Jabatan Keretapi Tanah Melayu khasnya. Di Malaysia, terdapat ramai keluarga setinggan yang menduduki rumah-rumah di sepanjang landasan keretapi terutamanya dari Rawang hingga ke Pelabuhan Kelang.

Adalah penting bagi kita mengetahui nasib penduduk setinggan di sepanjang landasan keretapi ini atau yang lebih mudah dikenali sebagai "railway squatters" ini dan juga apakah masalah yang ditimbulkan oleh mereka kepada kerajaan terutamanya pihak Keretapi Tanah Melayu (KTM). Rencana ilmiah ini juga ada memuatkan sebab dan akibat setinggan serta langkah-langkah kerajaan.

C. Skop Kajian

Bidang pengkajian yang telah dijalankan bagi latihan ilmiah ini adalah merangkumi kawasan berhampiran stesen perhentian keretapi Sg. Renggam, di Shah Alam, Selangor. Kawasan penempatan ini adalah sebuah perkampungan kecil bernama Kampung (Kg.) Muhibah.

Bagi tujuan mendapatkan data-data dan lain-lain maklumat, sebanyak 60 buah keluarga setinggan di pilih. Ini adalah kerana sekiranya bilangan sampel tidak dihadkan, ianya boleh berterusan hingga ke Pelabuhan Kelang. Bagi memudahkan analisis, penulis hanya memilih 60 sampel.

Kg. Muhibah dipilih sebagai asas kajian disebabkan di sini terdapat pelbagai bangsa yang menjadi masyarakat setinggan. Tiga kaum terbesar adalah orang India, Melayu dan Indonesia. Kg. Muhibah juga merupakan satu kawasan yang mana penduduknya mengalami tekanan sosial, ekonomi dan politik yang jelas. Ini jelas ditunjukkan oleh kawasan persekitaran mereka, taraf hidup dan alasan yang diberi berkenaan sebab mereka masih menetap di sini. Perkara ini akan dibincangkan dengan lebih mendalam lagi dalam Bab IV.

Kg. Muhibah juga merupakan satu kawasan di tengah-tengah kawasan perindustrian Shah Alam. Memandangkan penduduk setinggan ini mengalami satu kehidupan yang penuh dengan cabaran dan kehidupan mereka adalah diancam oleh proses modenisasi, ianya telah dipilih sebagai kawasan kajian.

D. Methodologi Kajian

Pada permulaannya, kawasan bagi tujuan penyelidikan telah dikenalpasti dari segi keadaan persekitaran, susah senang mendapatkan kerjasama dari penduduk setinggan itu, bilangan sampel yang boleh didapati dan sebagainya. Pegawai di Majlis Perbandaran Shah Alam (MPSA) telah memberitahu bahawa pihak KTM yang bertanggungjawab terhadap penduduk Kg. Muhibah ini.

Segala maklumat yang diperlukan bagi menyediakan latihan ilmiah ini telah didapati melalui 4 cara utama, iaitu :-

1) Pemerhatian

Gelagat penduduk setinggan telah diperhatikan bagi mendapatkan satu gambaran yang jelas berkenaan dengan kehidupan sehari-hari mereka. Bagi tujuan ini, penulis telah menetap dengan sebuah keluarga yang dikenali menerusi seorang kawan selama lima (5) hari.

2) Temuramah secara rasmi dan tidak rasmi

Temuramah secara tidak rasmi diadakan dengan beberapa keluarga setinggan yang tinggal berhampiran dengan keluarga angkat penulis. Kebanyakan daripada mereka yang terlibat dalam temuramah tidak rasmi ini adalah terdiri dari kaum wanita yang merupakan suri rumahtangga. Mereka telah menceritakan segala suka duka mereka selama menetap di Kg. Muhibah ini.

Temuramah secara rasmi telah diadakan dengan Penolong Pengurus Projek Landasan Berkembar, di Pejabat Projek di Brickfield. Temuramah juga telah diadakan dengan Penolong Pengarah II di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Tiada banyak maklumat yang di dapat dari Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Temuramah-temuramah rasmi ini telah direkodkan dalam tape.

3) Kerja Luar (Survey)

Di kawasan kajian iaitu Kg. Muhibah, kerja luar telah dilakukan bagi mengutip maklumat secara berkesan. Satu set soalan yang dimuatkan dalam borang soalselidik telah digunakan untuk mendapatkan maklumat-maklumat berkenaan.

Pertolongan seorang pembantu penyelidik telah digunakan bagi membantu mengisi borang soalselidik. Bagi mendapatkan maklumat, responden telah dipilih mengikut nisbah 3:2:1 terhadap kaum India, Melayu dan Indonesia. Maklumat-maklumat ini seterusnya telah dianalisa dan diproses secara teliti dan kemas dalam bentuk jadual bagi memudahkan kerja-kerja penulisan berikutnya. Gambar-gambar yang sesuai berkaitan dengan setinggan ini telah diambil untuk dimuatkan dalam rencana ilmiah ini.

4) Penyelidik dan Rujukan

Untuk menambah maklumat, telah dirujukkan kepada buku-buku dan rencana ilmiah di perpustakaan utama. Risalah telah didapati dari Perpustakaan Institut Pengajian Tinggi. Data juga ada cuba diperolehi dari Jabatan Perangkaan Malaysia.

E. Masalah-masalah yang dihadapi

Memang tidak dapat dinafikan bahawa setiap kerja yang dibuat ada masalahnya yang tersendiri; begitu juga dengan menyediakan latihan ilmiah ini. Di antara masalah-masalah yang dihadapi adalah :-

i) sebelum penulisan:

Penulis telah menghadapi masalah dalam menentukan satu kawasan yang sesuai bagi menjalankan kajian. Ini adalah kerana satu kawasan yang belum pernah dikaji oleh sesiapa adalah diperlukan bagi penulisan ini. Setelah Kg. Muhibah dikenalpasti, penulis terpaksa merancang cara mendapatkan maklumat dengan kerjasama penuh dari penghuni setinggan Kg. Muhibah ini.

Penulis juga telah menghadapi masalah dalam menjalankan survey kerana hanya mendapatkan bantuan dari seorang pembantu penyelidik sahaja sedangkan responden berjumlah 60 buah keluarga. Bagi mendapatkan maklumat-maklumat lanjut, penulis terpaksa pergi ke MPSA, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), ibu pejabat KTM dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Tetapi hanya di ibu pejabat KTM sahaja dapat diperolehi sedikit maklumat berkenaan dengan setinggan Kg. Muhibah ini.

Selain daripada itu, masalah juga dihadapi dalam mendapatkan data-data terbaru bagi menyokong sesuatu kenyataan yang ditulis. Walaupun rujukan telah dibuat di Jabatan Perangkaan Malaysia, namun tidak ditemui data-data yang dikehendaki. Disebabkan keadaan inilah data-data yang agak lama terpaksa digunakan.

ii) semasa penulisan

Kesuntukan masa adalah satu lagi masalah yang dihadapi dalam menyediakan rencana ilmiah ini. Ini adalah kerana kerja-kerja penulisan hanya dimulakan pada bulan Julai dan terpaksa dihabiskan pada pertengahan bulan Sempember. Kesuntukan masa ini menyebabkan penulis terpaksa memohon untuk perlanjutan masa penghantaran rencana ilmiah yang siap.

F. Organisasi Bab-Bab

Rencana ilmiah ini mengandungi sebanyak enam bab kesemuanya. Ini adalah bagi memudahkan kerja penulisan dan juga menyenangkan pengguna atau pembaca rencana ilmiah ini.

Bab I adalah bab yang menerangkan berkenaan dengan asas-asas bagi penyediaan rencana ilmiah ini. Antara kandungannya adalah seperti objektif, skop serta masalah kajian dan sebagainya.

Bab ini diikuti dengan Bab II yang mengandungi tulisan berkenaan dengan setinggan secara am. Dari bab ini akan juga diketahui definisi setinggan yang diberikan oleh beberapa orang penulis buku dan gambaran sebuah kawasan setinggan.

Bab seterusnya, iaitu Bab III adalah berkenaan dengan sebab-sebab kewujudan sesebuah kawasan setinggan. Bab ini akan menjelaskan secara terperinci punca-punca utama yang menyebabkan munculnya kawasan-kawasan setinggan di Malaysia.

Bab IV adalah bab yang ditulis berdasarkan kajian yang telah dijalankan di Kg. Muhibah. Bab ini lebih tertumpu kepada sosio-ekonomi serta masalah-masalah yang timbul dalam kehidupan seharian setinggan Kg. Muhibah ini.

Seterusnya, Bab V akan menyentuh akibat dari kewujudan setinggan. Kesan baik buruk harus dikaji dan dijelaskan supaya kita dapat memahami apa yang dikatakan sebagai masalah setinggan ini. Bab ini juga memuatkan langkah-langkah kerajaan bagi mengatasi masalah setinggan ini.

Bab VI yang merupakan bab terakhir dalam rencana ilmiah ini. Bab ini adalah tertumpu kepada pendapat atau ulasan penulisan serta saran-saran bagi mengatasi masalah setinggan ini.

Bab II

SETINGGAN DI MALAYSIA

A. Pendahuluan

Masalah setinggan, iaitu gejala menduduki kawasan kepunyaan kerajaan atau pihak-pihak persendirian tanpa izin pemiliknya, merupakan salah satu masalah yang semakin serius di bandar-bandar utama yang sedang mengalami proses pembandaran yang pesat. Ianya bukanlah satu fenomena yang baru pada masa kini sebab setinggan wujud sejak manusia mula mengejar kekayaan dan bersaing antara satu sama lain untuk menikmati kehidupan yang lebih baik.

Malaysia juga tidak ketinggalan dalam menghadapi masalah sosial ini. Di Kuala Lumpur sahaja terdapat sebanyak 35,000 keluarga setinggan iaitu seramai 180,000 orang dengan kadar pertambahan 9.7 % setahun.¹ Di Petaling Jaya, Selangor pula terdapat seramai 32,000 orang penghuni setinggan yang juga merupakan 15 % daripada jumlah penduduk Petaling Jaya.²

Dari data statistik yang telah diberikan di atas dapat dilihat dengan jelas betapa seriusnya masalah setinggan di negara ini. Seterusnya dalam bab ini akan kita lihat ciri-ciri setinggan di Malaysia secara amnya.

B. Definisi Setinggan

Setinggan dapat didefinisikan dalam banyak cara. Kebanyakan penulis dan sarjana-sarjana mendefinisikan setinggan berdasarkan ciri-ciri setinggan itu sendiri. Antara definisi-definisi itu adalah :-

1. New Straits Times, 28 Mac, 1991, m.s. 4
2. New Straits Times, 20 Mac, 1991 m.s. 5

Kerry Dean Feldman, yang telah melakukan satu kajian kes di Filipina mendefinisikan kawasan setinggan sebagai :-

"a squatter settlement is born when a group of people invade a piece of land, erect shanties or homes there on, organize themselves for effective legal action to defend their claim and succeed in living there for several months or years".³

Krausse, yang menjalankan kajian di Indonesia menggambarkan setinggan atau 'kampung' seperti mana dipanggil di Indonesia sebagai :-

"The city kampong is defined as a territorially bound community which represents, in past at least an urban reinterer pretation of rural life patterns."⁴

Satu lagi definisi yang diberi kepada setinggan ialah:

-
3. Kerry Dean Feldman, Squatters and Squatting in Davao City Philippines : The Dynamics of an Adaptive Institution in the Urbanization Process of a Developing Country, University of Colorado, Ph.D., 1973, m.s. 11
 4. Krausse, Gerald Hans, The Kampung of Jakartja Indonesia : A Study of Spatial Patterns in Urban Poverty , University of Pittsburgh, Ph.D., 1975, m.s. 34

"The Squatter is an enigmatic figure in the modern urban environment. In the eyes of some he is an intruder into the city - a violator of law, a creator of slums and a hazard to health..... the economy ignores his needs and whose proffered solution to his problems consist of moving him away from the city...".⁵

Istilah setinggan mengikut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka adalah mereka yang menduduki tanah kerajaan atau swasta secara haram.

Secara keseluruhannya dapatlah dikatakan bahawa setinggan adalah sekumpulan manusia yang menduduki tanah kepunyaan pihak lain secara haram terutamanya di kawasan-kawasan bandar yang sedang pesat membangun.

C. Sejarah Persetingganan⁶

Persetingganan di Malaysia telah wujud sejak pertengahan abad ke 19 lagi. Kawasan-kawasan setinggan pada masa itu terdapat di kawasan-kawasan perlombongan seperti di tebing Sungai Gombak dan Sungai Kelang. Kuala Lumpur merupakan kawasan tumpuan setinggan yang utama pada ketika itu.

5. William J. Keyes, S.J. , Maria C.Ronald Burcroff, Housing The Urban Poor, Non Conventional Approaches to a National Problem, Quezon City, 1976, m.s. 8
6. Ishak Shari, Kertas Seminar Pembangunan Tak Seimbang dan Masalah Persetingganan di Kuala Lumpur, bengkel Masalah Setinggan di Kota 1979, m.s. 4

Apabila berlakunya kemelesetan ekonomi dalam tahun-tahun 1930an, berpuluhan ribu buruh yang dibawa masuk dari negeri China dan India untuk bekerja di lombong-lombong timah dan ladang-ladang getah telah dibuang kerja. Walaupun ramai dari mereka telah dihantar pulang ke negeri masing-masing namun ada di antaranya yang telah berpindah ke bandar-bandar terutamanya Kuala Lumpur. Mereka telah pindah ke kawasan pinggir bandar dan memulakan kawasan-kawasan setinggan. Walaupun pada masa itu pihak pemerintah kolonial telah mula memberi perhatian kepada masalah setinggan tetapi ia tidak mempunyai polisi tertentu terhadap setinggan.

Pembangunan ekonomi dalam zaman lepas kolonial telah juga mengakibatkan penambahan bilangan setinggan di bandar-bandar di Malaysia terutamanya di Kuala Lumpur dan Lembah Kelang. Walaupun pihak pemerintah telah mengambil langkah-langkah untuk mempelbagaikan ekonomi negara dengan menggalakkan pertumbuhan dalam sektor perindustrian dan lain-lain sektor, namun pergantungan ekonomi negeri ini kepada ekonomi negara perindustrian masih berterusan. Akibatnya keadaan ketidakseimbangan dalam proses pembangunan ekonomi juga berterusan.

Ciri-ciri pemodenan bandar dengan gejala-gejala sosial dan kebudayaan yang baru telah menarik penduduk dari desa ke bandar. Penghijrahan dalam negeri ini lebih tertumpu ke negeri Selangor. Pertambahan penduduk serta kekurangan pembangunan di kampung-kampung baru serta keadaan ekonomi yang serba kekurangan telah memaksa mereka berhijrah dan menjadi setinggan di kawasan pinggir bandar.

Seterusnya pelancaran Dasar Ekonomi Baru dalam tahun 1970 telah menggalakkan penghijrahan orang-orang Melayu dari desa ke bandar untuk membolehkan mereka melibatkan diri dalam sektor-sektor moden seperti perindustrian.

Sehingga masa kini masalah setinggan masih lagi merupakan satu masalah sosial yang agak ketara. Selagi proses urbanisasi berterusan dan langkah-langkah menyekat setinggan secara tegas tidak diambil selagi itulah persetinggan akan tetap wujud.

D. Sifat-sifat Am Kawasan Setinggan

1) Keadaan rumah setinggan

Mutu rumah-rumah setinggan di kawasan setinggan adalah rendah. Kebanyakan dari rumah mereka adalah diperbuat dari kayu yang murah dan beratapkan zink. Dari kajian yang telah dibuat, adalah didapati kerendahan mutu rumah setinggan ini adalah disebabkan oleh 2 faktor iaitu :-

- a) masalah kewangan yang dihadapi oleh penduduk setinggan;
- b) kedudukan mereka yang tidak terjamin.

Di samping itu, kebanyakan penduduk setinggan juga mengalami kesesakan di dalam rumah disebabkan ketidakseimbangan di antara bilangan ahli keluarga dengan saiz rumah. Biasanya, kebanyakan rumah setinggan mempunyai satu ruang tamu yang kecil, dua bilik tidur dan satu ruang dapur yang agak kecil juga.

Kesesakan bukan hanya berlaku di dalam sesbuah rumah itu malah di luar juga. Ini adalah kerana pada kebiasannya, rumah-rumah setinggan dibina sangat rapat antara satu dengan lain. Kesesakan ini juga merupakan salah satu ciri kawasan setinggan.

Rumah-rumah setinggan adalah biasanya dibina dalam keadaan tidak teratur. Seseorang yang ingin menduduki satu kawasan setinggan akan mendirikan rumah di atas sekeping tanah yang dirasakan cukup baginya.

2) Kemudahan-kemudahan asas

Di kawasan setinggan, kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik, tandas dan sistem pembuangan sampah yang baik adalah kurang dan kadang kala tidak ada langsung. Ini adalah satu keadaan yang biasa di kebanyakan kawasan setinggan di Malaysia. Kerry Dean Feldman telah menggambarkan keadaan ini seperti berikut :-

"squatter life is economically one of severe poverty and socially one lacking the basic physical necessities of urban living such as sewage disposal, water, often lacking electricity and even the minimum space within and surrounding a home....." ⁷

Bekalan air bagi kawasan setinggan biasanya adalah air perigi, sungai dan seumpamanya. Ada juga di beberapa kawasan di mana paip-paip awam didirikan dan beberapa keluarga terpaksa berkongsi satu paip.

Kawasan setinggan jarang diberi bekalan elektrik. Oleh itu penduduk setinggan adalah bergantung kepada lampu minyak tanah dan generator. Barang elektrik yang biasa digunakan seperti radio dan televisyen adalah dijalankan dengan generator ataupun bateri.

Tandas adalah masalah utama bagi penduduk setinggan. Kawasan setinggan biasanya tiada sistem pembetungan yang baik.

3) Penghuni setinggan

Pada kebiasaanya, kebanyakan daripada penghuni setinggan adalah merupakan golongan yang berpendapatan rendah. Mereka ini adalah dikategorikan sebagai golongan miskin yang tidak mampu memiliki rumah sendiri di atas tanah kepunyaanya.

7. Kerry Dean Feldman, op. cit., m.s. 2

Golongan yang menduduki satu-satu kawasan setinggan itu tidak terbatas kepada satu kaum sahaja. Ethnik Cina merupakan golongan terbesar menduduki rumah-rumah setinggan di seluruh Malaysia. Dalam satu analisa bagi Rangka Pelan Struktur Kuala Lumpur, adalah didapati golongan setinggan Cina merangkumi 52.2 %, setinggan Melayu pula adalah sebanyak 32.9 % manakala orang-orang India dan lain-lain pula adalah sebanyak 14.9 %.⁸

Satu perkara yang agak memerlukan berkenaan dengan penghuni setinggan ini adalah, golongan berpendapatan tinggi juga ada menduduki kawasan setinggan di Malaysia. Misalnya, di Kuala Lumpur sahaja, sejumlah 4.4 % daripada jumlah setinggan adalah terdiri daripada golongan professional seperti arkitek, jurutera, doktor dan pegawai kanan kerajaan.⁹

4) Kebersihan dan Kesihatan

Di kawasan setinggan biasanya tidak ada satu sistem pembentungan yang baik. Masalah ini adalah satu masalah yang utama di tempat kajian penulis iaitu Kg. Muhibah. Sistem pemaritan yang baik juga tidak didapati di kebanyakan kawasan setinggan. Longkang-longkang atau laluan air seperti parit yang boleh dijumpai, seperti di Kg. Muhibah, adalah tersumbat akibat sampah yang dibuang oleh penduduk di situ. Ini memberi peluang kepada nyamuk aedes membiak secara bermahrajalela dan demam denggi mudah merebak.

Pada kebiasaannya, penduduk setinggan menghapuskan sampah sarap samada dengan membakar atau menanam. Ini adalah kerana di kawasan setinggan tidak ada kemudahan mengangkut sampah oleh majlis perbandaran. Tetapi ada juga penduduk setinggan yang tidak bertanggungjawab akan terus membuang sampah di mana-mana sahaja.

8. G.Shabbir Cheema, Reaching The Urban Poor, Project Implementation in Developing Countries, 1983, m.s. 19

9. Berita Harian, 22hb. November, 1983, m.s. 5

Oleh kerana kebanyakan penghuni setinggan adalah terdiri daripada mereka yang berpendapatan rendah, masalah mendapatkan kemudahan kesihatan juga dihadapi oleh mereka. Tidak semua penempatan setinggan ada klinik kerajaan. Oleh itu dari segi taraf kesihatan juga, mereka boleh dikatakan bertaraf rendah.

E. Jenis-jenis setinggan

Penghuni setinggan dapat dibeza-bezakan mengikut beberapa kategori. Antara jenis-jenis yang biasa didapati adalah seperti berikut :-

1) Setinggan Menyewa¹⁰

Setinggan jenis ini adalah mereka yang tidak mampu membina rumah sendiri. Biasanya mereka ini adalah dari golongan yang baru tiba di bandar dan belum lagi mempunyai satu pekerjaan yang tetap. Memandangkan mereka adalah orang baru di bandar, mereka terpaksa menyewa tempat kediaman. Pada hakikatnya, keadaan ini hanya untuk sementara. Di Malaysia, jenis setinggan ini adalah golongan belia yang baru berhijrah dari desa.

2) Setinggan Pemilik¹¹

Jenis setinggan ini banyak didapati di Malaysia. Mereka adalah tuanpunya rumah yang dibina di atas tanah orang lain. Kebanyakannya mereka membina rumah mereka sendiri atau mengupah orang. Tetapi ada juga di antara mereka yang membeli rumah setinggan yang siap dari setinggan yang ingin jual rumah.

10. Ishak Shari, op. cit., m.s. 22

11. Ibid.

3) Setinggan Opportunis¹²

Mereka ini adalah terdiri daripada orang yang berada tetapi menduduki kawasan setinggan dengan tujuan-tujuan tertentu seperti berjimat dari membayar cukai tanah, sewa rumah atau untuk mendapat tanah dan pampasan dari pihak yang empunya tanah yang mereka duduki bila rumah berkenaan hendak diroboh. Pada kebiasaannya bilangan setinggan jenis ini adalah kecil. Misalnya di bandaraya Kuala Lumpur, 4.4 % daripada jumlah setinggan adalah golongan profesional seperti doktor, jurutera dan sebagainya.¹³

4) "The Squatter hold-over"¹⁴

Penghuni setinggan jenis ini adalah mereka yang pada mulanya menyewa sesebuah rumah setinggan tetapi kemudiannya ia tidak mahu membayar sewa. Ini mungkin kerana ia sedar tuanpunya rumah setinggan ini tidak akan dapat mengambil sebarang tindakan undang-undang terhadapnya. Jadi, ia pun menganggap rumah itu sebagai rumahnya sendiri.

5) Setinggan pemberi-sewa¹⁵

Mereka ini bukan sahaja memilik rumah setinggan tetapi juga memberi sewa beberapa buah rumah setinggan kepada setinggan lain. Biasanya pemberi-sewa adalah kuat berpengaruh di kawasan setinggan berkenaan.

12. Ibid.


13. Berita Harian, 22hb. November, 1983, m.s. 5

14. Laila Wati bt. Judin, Masalah Setinggan di Kuala Lumpur: dengan pengkhususan di Kg. Pandan, 1977 , m.s. 21

15. Ishak Shari, op. cit., m.s. 22

F. Kesimpulan

Dengan ini dapatlah kita memberi satu gambaran yang jelas mengenai cir-ciri setinggan di Malaysia. Walaupun mereka hidup dalam satu suasana yang serba kekurangan, namun peranan dan sumbangan mereka terhadap ekonomi negara ini adalah sangat besar. Kebanyakan penduduk setinggan menyediakan buruh tidak mahir dan juga separuh mahir bagi sektor-sektor ekonomi kita seperti sektor perindustrian.



Bab III

SEBAB DAN AKIBAT BERSETINGGAN

A. Pendahuluan

Setiap masalah yang kita hadapi ada sebab dan akibatnya. Perkara yang sama berlaku pada masalah setinggan di Malaysia. Tiada sesiapa yang akan menghuni sesuatu kawasan setinggan tanpa satu sebab yang tertentu dan pendudukan mereka di rumah-rumah haram ini menimbulkan banyak kesan yang buruk mahupun yang baik.

Seterusnya dalam bab ini, kita akan melihat sebab-sebab berlakunya atau munculnya setinggan di kawasan bandar atau pinggir bandar serta akibat atau kesannya secara lebih terperinci.

B. Sebab-sebab Wujudnya Masalah Setinggan

Kewujudan setinggan diakibatkan oleh kombinasi beberapa faktor yang saling berkait rapat antara satu sama lain. Di antara faktor-faktor utamanya termasuk kemiskinan, masalah perumahan, migrasi, urbanisasi dan sebagainya. Keadaan hidup yang terdesak di desa dengan kekurangan peluang mendapat pendapatan yang tinggi, maka mereka yang menganggur pada kebiasaan mereka akan berhijrah ke kawasan bandar mencari kerja di kilang-kilang.

Sebab-sebab berlakunya setinggan dapat dibahagi kepada :-

1. Masalah kemiskinan

Kemiskinan sering digambarkan sebagai keadaan kekurangan zat makanan yang keterlaluan serta keperluan-keperluan asas untuk hidup seperti makanan, tempat tinggal yang baik dan pakaian di samping kebuluran, kelaparan yang meluas dan kerendahan maruah seseorang apabila ia terpaksa meminta sedekah untuk hidup.¹

1. Takrif kemiskinan mengikut Rancangan Malaysia Kelima, m.s. 96

Kemiskinan merupakan satu 'sindrom situasi' yang meliputi unsur-unsur kekurangan makanan, taraf kesihatan yang rendah, kadar pendapatan rendah, keadaan perumahan yang tidak selamat dan sebagainya. Konsep kemiskinan ini dibentuk oleh persekitaran ekonomi dan sosial serta matlamat umum masyarakat yang cuba dicapai melalui dasar-dasar anti kemiskinan seperti Dasar Ekonomi Baru.

Kemiskinan adalah ketara dalam isirumah yang berpendapatan rendah², khasnya apabila saiz isirumah adalah besar. Aspek kebudayaan dan sosial juga mempengaruhi kehidupan sesorang individu. Sekiranya dorongan untuk bekerja kuat adalah lemah maka kemungkinan besar taraf hidup mereka tidak akan dapat dipertingkatkan. Sekiranya dorongan untuk menerima perubahan dan bertindakbalas terhadap peluang-peluang baru adalah kurang, kemiskinan akan berterusan.

Kebanyakan setinggan, selain dari setinggan opportunis, lahir akibat gejala kemiskinan dan tiada sesiapa yang dapat manafikan hakikat ini. Kedesakan hidup di desa-desa mendorong masyarakat luar bandar berhijrah ke kawasan bandar. Kadar kemiskinan di kawasan luar bandar³ pada tahun 1984 adalah sebanyak 24.7 % daripada jumlah isirumah yang seramai 1,629,400 orang. Memandangkan seramai 402,000 isirumah hidup dalam kemiskinan, maka terpaksalah mereka mencari jalan keluar dari kesengsaraan hidup di desa dan satu daripada caranya adalah dengan berhijrah ke kota. Oleh itu apabila mereka berhijrah ke kota, orang desa ini akan menghadapi masalah perumahan dan terpaksalah mereka hidup bersetinggan.

-
2. Dalam "Taklimat D.B.K.L kepada Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan Pada 26hb. Ogos 1986" m.s. 43 didapati 44.1 % daripada jumlah setinggan di Kuala Lumpur berpendapatan bawah \$400.
 3. Malaysia. Rancangan Malaysia Kelima, m.s. 101

Kemiskinan juga menghalang masyarakat di bandar menikmati satu kehidupan yang seiring dengan pembangunan bandar berkenaan. Jadi, terpaksa mereka hidup dalam keadaan yang hina dengan membina rumah-rumah yang rendah mutunya di atas tanah kepunyaan orang lain. Ini memunculkan kawasan-kawasan setinggan.

Kemiskinan adalah faktor penolak penduduk desa dari kampung ke bandar. Setiba di bandar mereka terpaksa mendapatkan keperluan-keperluan asas seperti tempat tinggal, makanan dan sebagainya. Oleh kerana pada hakikatnya mereka adalah orang yang miskin maka sudah tentulah mereka tidak dapat menikmati satu kehidupan yang setara dengan orang berada di bandar. Bagi mengelakkan dari membayar sewa, cukai tanah dan sebagainya, mereka ini akan menduduki kawasan-kawasan setinggan. Ini jelas menunjukkan perhubungan antara faktor kemiskinan dan kewujudan setinggan.

Dari carta 3.1, kita dapat melihat dengan jelas bahawa walaupun kadar kemiskinan secara umumnya telah berkurangan, namun kumpulan miskin di bandar tidak mengalami banyak perubahan. Kadar kemiskinan bagi kumpulan miskin di bandar pada tahun 1984 adalah yang tertinggi iaitu 81,000 isirumah berbanding dengan kumpulan miskin yang lain.

Selagi tindakan yang efektif tidak diambil, selagi itulah masalah kemiskinan akan berpanjangan. Ini akan menghalang kerajaan mengatasi masalah setinggan. Kemiskinan dan kewujudan setinggan yang berterusan di kalangan penduduk sesebuah negara boleh menjaskan imej negara berkenaan di mata dunia.

Jadual 3.1
KADAR KEMISKINAN DAN BILANGAN ISIRUMAH MISKIN
1985-89

		1985			1990			1995		
		Jumlah	Bandar	Luar Bandar	Jumlah	Bandar	Luar Bandar	Jumlah	Bandar	Luar Bandar
Semenanjung Malaysia										
Kadar Kemiskinan (%)		18.4	8.2	24.7	15	7.3	19.3	9.1	4.1	14.1
Bilangan Isirumah Miskin ('000)		483.3	81.3	402	448.9	77.5	371.4	329.5	73.3	256.2
Kadar Kemiskinan Termiskin (%)		6.3	2.4	8.7	3.6	1.4	4.8	1.7	0.6	2.8
Bilangan Isirumah Termiskin ('000)		165.6	23.8	141.8	107.3	14.9	92.4	61.3	10.6	50.7
Jumlah Isirumah ('000)		2621.1	991.7	1629.4	2986.4	1062.2	1924.2	3627.9	1804.9	1823
Malaysia										
Kadar Kemiskinan (%)		20.7	8.5	27.3	17.1	7.5	21.8	11.1	4.2	16.8
Bilangan Isirumah Miskin ('000)		649.4	93	556.4	619.4	89.1	530.3	485.5	84.3	401.2
Kadar Kemiskinan Termiskin (%)		6.9	2.4	9.3	4	1.4	5.2	2	0.6	3.2
Bilangan Isirumah Termiskin ('000)		216.1	26.2	143.1	16.3	126.8	88.8	12.3	76.5	
Jumlah Isirumah ('000)		3133.3	1095.3	2038	3614.6	1182.7	2431.9	4389.2	2003.6	2385.6

Sumber: Penyiasatan Pendapatan Isirumah, 1984 dan 1989, dan anggaran DPE

Nota: 1 Angka bagi tahun 1985 dan 1990 adalah berasaskan penyiasatan yang dijalankan pada tahun 1984 dan 1989


Jadual 3.1
KADAR KEMISKINAN DAN BILANGAN ISIRUMAH MISKIN
1985-89

		1985			1990			1995		
		Jumlah	Bandar	Luar Bandar	Jumlah	Bandar	Luar Bandar	Jumlah	Bandar	Luar Bandar
Semenanjung Malaysia										
Kadar Kemiskinan (%)		18.4	8.2	24.7	15	7.3	19.3	9.1	4.1	14.1
Bilangan Isirumah Miskin ('000)		483.3	81.3	402	448.9	77.5	371.4	329.5	73.3	256.2
Kadar Kemiskinan Termiskin (%)		6.3	2.4	8.7	3.6	1.4	4.8	1.7	0.6	2.8
Bilangan Isirumah Termiskin ('000)		165.6	23.8	141.8	107.3	14.9	92.4	61.3	10.6	50.7
Jumlah Isirumah ('000)		2621.1	991.7	1629.4	2986.4	1062.2	1924.2	3627.9	1804.9	1823
Malaysia										
Kadar Kemiskinan (%)		20.7	8.5	27.3	17.1	7.5	21.8	11.1	4.2	16.8
Bilangan Isirumah Miskin ('000)		649.4	93	556.4	619.4	89.1	530.3	485.5	84.3	401.2
Kadar Kemiskinan Termiskin (%)		6.9	2.4	9.3	4	1.4	5.2	2	0.6	3.2
Bilangan Isirumah Termiskin ('000)		216.1	26.2	143.1	16.3	126.8	88.8	12.3	76.5	
Jumlah Isirumah ('000)		3133.3	1095.3	2038	3614.6	1182.7	2431.9	4389.2	2003.6	2385.6

Sumber: Penyiasatan Pendapatan Isirumah, 1984 dan 1989, dan anggaran UPE

Nota: 1 Angka bagi tahun 1985 dan 1990 adalah berasaskan penyiasatan yang dijalankan pada tahun 1984 dan 1989

Carta 1
Semenanjung Malaysia : Bilangan Isirumah Miskin dan Kadar Kemiskinan Mengikut Kumpulan utama miskin, 1970, 1976 dan 1984




Kunci:



- Pekebun kecil getah
- Penanam padi
- Pekerja estet
- Nelayan
- Pekebun kecil kelapa
- Kumpulan miskin di bandar

() '000

Sumber: Rancangan Malaysia Kelima, 1986-1990.



2. Masalah Perumahan

Perumahan sebagai satu keperluan asas sosial merupakan salah satu bahagian yang penting dalam sektor sosial. Masalah perumahan di Malaysia adalah masalah yang sering diperkatakan dan mendapat perhatian dari orang ramai. Masalah ini yang berlaku hingga ke hari ini adalah sebahagian daripada kesan-kesan proses urbanisasi yang sedang berlaku di Malaysia sejak zaman kolonial lagi. Setelah 34 tahun mencapai kemerdekaan, masalah perumahan di Malaysia terutama sekali rumah kos rendah masih tidak dapat diatasi. Keperluan dan permintaan untuk perumahan lebih ketara di bandar-bandar daripada di desa dengan bertambah pesatnya proses pembandaran di Malaysia.

Kegagalan kerajaan dan pihak swasta menyediakan bilangan rumah seperti yang dirancang adalah salah satu sebab kenapa persetinggan masih wujud hingga ke hari ini. Ini jelas bila diperhatikan Jadual 3.2 yang menunjukkan perbezaan yang ketara di antara bilangan unit rumah yang dirancang dengan bilangan unit yang siap bagi tempoh 1981-1985.

Selain daripada sebab kemiskinan, masalah perumahan juga merupakan satu sebab utama setinggan masih wujud hingga ke hari ini. Penghuni kawasan setinggan adalah dari golongan pekerja berpendapatan rendah. Maka mereka menghadapi masalah kewangan untuk membeli tanah atau rumah sendiri. Walaupun banyak rumah kos rendah dibina namun tidak semua penghuni kawasan setinggan yang memohon untuk rumah dapat memiliki sebuah rumah kos rendah itu. Masalah ini jelas di Johor di mana kriteria yang diguna dalam cara-cara pembahagian dan pemilihan rumah adalah mengikut kuota kaum dan kuota parti politik.⁴ Ini bermakna, selain daripada syarat-syarat yang biasa dikenakan, syarat yang berhubung dengan aspek politik seperti sejauh mana perjuangan pemohon untuk parti politik dan untuk negara, sokongan untuk berjuang dalam parti, bilangan ahli keluarga yang menjadi ahli parti politik dan sebagainya turut diperhatikan.

4. Mohd. Razali Agus, Politik Dalam Perumahan, Gateway Publishing House Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1986, m.s.

Jadual 3.2
Malaysia: Kemasukan Perumahan Sektor Awam dan Swasta, 1981-85

Program daerah	Bilangan unit		Bilangan unit yang jurnih			
	1981-85	1981	1982	1983	1984	1985
Sektor Awam	308,576	31,010	43,480	45,080	47,880	50,498
Perumahan awam kos rendah	176,500	12,900	20,100	11,500	12,900	14,320
Perumahan skim pembangunan tanah	110,010	8,930	10,220	5,780	5,740	4,316
Puan kakitangan dan perumahan lain bagi kakitangan dan tingersi	53,500	3,660	4,000	5,850	5,390	6,550
Sektor swasta	524,730	17,670	44,330	37,710	38,080	45,930
Perumahan kos sederhana permaju swasta	90,000	5,800	4,360	4,320	4,150	2,540
Perumahan kos sederhana dan tinggi permaju swasta	354,470	11,690	12,270	15,960	15,020	24,670
Syarat ketiaianan	25,260	1,170	1,270	960	547, ¹	6,524
Perseorangan dan kumpulan junitah	150,020	13,040	18,930	18,930	18,930	16,672
	921,320	68,630	87,510	87,510	87,510	97,916

Sumber: Rancangan Malaysia Kelima, 1985-1990

Nota: ¹ Anggaran

Ini bermakna penglibatan seseorang dalam aspek politik negara amat membantu orang berkenaan apabila memohon untuk membeli rumah.

Rumah-rumah pangsa yang disediakan oleh kerajaan adalah tidak cukup dan tidak lengkap dari segi bilangan bilik tidur dan tempat rehat. Orang Malaysia, terutamanya golongan berpendapatan rendah biasanya mempunyai keluarga yang besar iaitu dengan bilangan ahli keluarga lebih dari enam orang. Oleh itu saiz rumah pangsa adalah tidak cukup bagi mereka yang berkeluarga besar ini. Inilah sebab yang diberi oleh penghuni setinggan bila mereka diminta membeli rumah pangsa.⁵

Dalam kajian separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, 1981-1985, harga maksimum rumah kos rendah ditetapkan pada kadar \$25,000 seunit, walaupun kerajaan mengakui bahawa harga purata bagi sebuah rumah kos rendah adalah sebanyak \$22,000'.⁶ Walaupun kerajaan telah menetapkan bahawa harga rumah-rumah kos rendah tidak melebihi \$25,000 sebuah, terdapat juga pemaju-pemaju swasta yang jual rumah kos rendah ini pada harga yang lebih dari yang telah ditetapkan. Ini menghalang golongan penghuni yang berpendapatan antara \$300 - \$500⁷ memiliki rumah-rumah ini. Oleh itu mereka memilih untuk menetap di rumah setinggan.

Selagi penghuni setinggan tidak dapat meningkatkan taraf hidup dengan menambah pendapatan mereka, selagi itulah mereka akan memilih untuk menetap di kawasan setinggan. Sekiranya tiada pihak yang dapat menyediakan rumah kos rendah yang mampu dibeli oleh penghuni setinggan yang berpendapatan rendah, maka sudah tentu penduduk setinggan akan menetap di rumah setinggan yang jauh lebih rendah kosnya. Sikap penduduk setinggan juga harus disalahkan dalam masalah perumahan ini. Mereka inginkan sebuah rumah yang bermutu tetapi dengan harga yang rendah.

5. Sumber penyelidikan

6. Mohd. Razali Agus, op. cit., m.s. 49

7. 50 % daripada sampel kajian penulis adalah berpendapatan antara \$300 - \$500 sebulan.

3. Proses Perbandaran / Urbanisasi

Perbandaran atau urbanisasi boleh dikatakan sebagai satu proses peralihan dari sistem ekonomi dan cara hidup kampung kepada cara bandar yang moden. Dalam konteks pembangunan sesebuah bandar, istilah pembangunan secara yang paling luas boleh diertikan sebagai perkembangan dari segi industri dan sistem ekonomi moden.

Proses urbanisasi ini sangat-sangat mempengaruhi kewujudan setinggan di bandar-bandar besar. Dua kesan utama daripada proses pembandaran yang pesat adalah :-

- a) mewujudkan peluang pekerjaan di bandar,
- b) penghijrahan dari desa ke bandar.

Aspek perbandaran adalah satu faktor penarik bagi penduduk desa yang inginkan satu perubahan dalam hidup mereka. Mereka yang ingin menikmati hidup ala barat akan menuju ke kota. Proses urbanisasi ini yang telah sedikit sebanyak mempengaruhi kebudayaan orang Malaysia juga adalah satu sebab kewujudan setinggan di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Shah Alam, Johor Bahru dan sebagainya.

Seterusnya akan dibincangkan kedua-dua kesan daripada proses urbanisasi ini dengan lebih terperinci.

a. Peluang Pekerjaan

Proses pembandaran ini memang membawa kepada kewujudan peluang-peluang pekerjaan di bandar-bandar besar. Sebagai sebuah negara yang mula mementingkan sektor perindustrian, Malaysia telah ada banyak bandar-bandar perindustrian seperti Mak Mandin, Menglembu, Batu Tiga dan lain-lain lagi. Oleh kerana hasil pertanian adalah tidak tetap dari segi pulangan⁸, memang wajar kerajaan menitikberatkan sektor perindustrian.

8. Keluaran pertanian mudah dipengaruhi oleh bencana alam seperti banjir, kemarau dan penyakit.

Jika dilihat dari segi pelaburan, memang tidak dapat dinafikan bahawa wujud satu ketidakseimbangan dalam pelaburan⁹ bagi sektor pertanian dengan perindustrian. Oleh itu, sektor perindustrian yang semakin berkembang mampu menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada buruh mahir, separuh mahir dan tidak mahir.

Memandangkan lokasi bagi sektor perindustrian adalah di bandar, maka bandar merupakan gedung yang menyediakan peluang pekerjaan kepada kebanyakan gunatenaga di Malaysia. Ini adalah satu daya penarik akibat dari proses urbanisasi. Maka ini membawa kepada satu lagi aspek yang penting iaitu penghijrahan.

b. Penghijrahan / Migrasi

Migrasi adalah satu fenomena yang amat berkait dengan proses pembandaran serta peluang pekerjaan di bandar. Salah satu sebab wujudnya pertambahan penduduk di bandar-bandar adalah kerana migran-keluar¹⁰ dari tempat lahir. Biasanya orang desa yang merasa kehidupan di desa adalah tidak sesuai bagi mereka akan mudah terdorong berhijrah ke bandar.

Urbanisasi yang pesat menarik penduduk luar bandar untuk migran-keluar. Selain daripada proses urbanisasi, kewujudan peluang-peluang pekerjaan dengan gaji yang tetap (dalam sektor perindustrian), pengaruh budaya barat, kemewahan kehidupan di bandar dan sebagainya juga merupakan faktor penarik orang desa ke bandar. Maka, ini mewujudkan masalah perumahan di bandar.

-
9. Sumber analisa
 10. Migran-keluar dari tempat lahir dirujuk kepada orang yang keluar meninggalkan negeri lahir ke negeri lain dalam lingkungan negara yang sama.

Pertambahan dalam migrasi penduduk luar bandar ke Kuala Lumpur bagi meninggikan taraf hidup telah menjadi-jadi selepas tahun 1969 apabila kemasukan setinggan-setinggan terutamanya dari golongan bumiputera. Ini adalah kerana hasrat golongan bumiputera merebut peluang-peluang yang sedia ada di bandaraya.

Kajian menunjukkan¹¹, kadar penghijrah telah meningkat dari kira-kira sejuta orang dalam tahun 1970 kepada 1.9 juta orang dalam tahun 1980 iaitu satu pertambahan sebanyak 89 %. Bilangan penghijrah bersih seumur hidup di Wilayah Persekutuan ialah 297,000 orang diikuti di Selangor 180,000, Pahang 163,000 dan Sabah 17,000 orang. Mereka yang berhijrah adalah kebanyakannya dari Perak mencatatkan 252,000 orang diikuti oleh Kedah 107,000, Melaka 92,000, Kelantan 88,000 dan Negeri Sembilan 62,000 orang.


Dengan berlakunya migrasi yang pesat dari desa ke bandar, dapatlah kita gambarkan bagaimana mereka yang baru tiba di kota dan tiada tempat tinggal terpaksa mencari kawasan setinggan untuk diduduki. Walaupun pertambahan penduduk terus berlaku, namun pengangguran bukan satu ciri biasa kerana 97 % daripada ketua keluarga setinggan mempunyai pekerjaan dengan pendapatan yang tetap.¹²

Peta 3.1 menunjukkan dengan jelas mengapa pertambahan penduduk berlaku dengan begitu pesat di negeri Selangor. Seramai 199,671 orang telah berhijrah masuk ke Selangor semasa banci 1970 dibuat.


11. Berita Harian, 30 September 1983, m.s. 4

12. Ibid. 22 November, 1983, m.s. 5

Peta 3.1 : Menunjukkan Migrasi Bersih Ke Selangor Daripada Negeri Tempat Lahir, Semenanjung Malaysia, 1970.



Sumber: Laporan Am, Banci Penduduk Malaysia 1970



Dengan ini jelaslah bagaimana proses urbanisasi menpengaruhi kewujudan pekerjaan di kota yang seterusnya membawa kepada penhijrahan dari desa ke kota. Dengan bertambahnya kadar migrasi maka penduduk di kota turut bertambah. Ini membawa kepada pelbagai masalah kepada pihak kerajaan dan juga pihak yang berhijrah itu. Bagi pihak kerajaan, mereka terpaksa berhadapan dengan pendatang ini yang boleh menimbulkan pelbagai masalah seperti masalah sosial. Antara masalah sosial yang penting yang diakibatkan oleh golongan pendatang ini adalah masalah setinggan. Bagi pihak pendatang pula, kebanyakannya mereka akan menghadapi masalah perumahan. Lantaran mereka pun akan menduduki kawasan-kawasan setinggan. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa proses urbanisasi ini secara tidak langsung akan membawa kepada masalah setinggan di kota.

4. Dasar penjajah

Dasar penjajah Inggeris juga mempengaruhi beberapa aspek kehidupan masyarakat Malaysia yang membawa kepada wujudnya setinggan. Dasar "pecah dan perintah" yang diamalkan oleh Inggeris telah menyebabkan kaum Melayu ditempatkan di desa, orang India pula di estet-estet manakala orang Cina adalah lebih tertumpu di kawasan bandar. Ini mengakibatkan golongan yang tertinggal jauh dari kawasan luar bandar sangat tertinggal dari segi ekonomi. Oleh itu, Dasar Ekonomi Baru telah digubal pada 1970. Sejak itu, orang Melayu yang merupakan kaum bumiputera telah membangkit dan menuntut hak-hak mereka. Maka, mulalah mereka berhijrah ke bandar-bandar untuk sama-sama menikmati pembangunan bandar.

Pada kebiasaannya, mereka yang berhijrah adalah terutamanya dari golongan yang mengalami kesempitan hidup dan mendapati peluang meningkatkan taraf hidup di desa adalah amat terhad. Oleh itu, bersesuaian dengan keadaan serta taraf mereka, penghijrah memilih untuk menduduki kawasan-kawasan setinggan.

Bukti-bukti juga telah menunjukkan bahawa wujudnya setinggan Cina semenjak kedatangan orang Cina ke Malaysia.¹³ Walau bagaimanapun, sehingga Perang Dunia Pertama (1914), setinggan Cina tidak ramai. Perang tersebut telah mengakibatkan sebilangan besar orang Cina menganggur kerana perniagaan mereka merosot. Masalah pengangguran ini telah menjadi ancaman kepada keselamatan negara. Oleh itu, sebilangan daripada orang Cina ini terpaksa dihantar balik ke Negeri China. Mereka yang tidak pergi telah menetap di Malaysia dengan membina rumah-rumah di tanah haram. Oleh kerana setinggan Cina ini bercucuk tanam sama ada secara haram atau dengan kebenaran sementara, maka pihak Inggris membiarkan mereka bergiat. Keadaan ini telah berlarutan sehingga merdeka. Inilah salah satu sebab mengapa bilangan penempatan setinggan Cina melebihi lain-lain kaum di Malaysia.

5. Tanah-tanah terbiar


Tanah-tanah yang terbiar adalah satu lagi faktor penarik bagi kewujudan setinggan. Apabila pihak swasta atau pihak kerajaan membiarkan tanah mereka tanpa diusahakan maka mereka yang tidak berumah atau bertanah mudah mengambil kesempatan. Misalnya, tanah simpanan Jabatan Keretapi¹⁴ sebanyak 14,000 hektar di diami oleh kira-kira 200,000 orang setinggan di seluruh negara. Di Lembah Kelang sahaja, sebanyak 15,000 keluarga menduduki tanah keretapi.

Penduduk setinggan ini sedar bahawa mereka menduduki tanah-tanah kepunyaan orang lain secara haram namun, mereka hendak juga mendirikan rumah di situ dengan harapan mereka akan diberi tanah sendiri sama ada secara percuma atau dengan harga yang rendah.

13. Isu, Konsep dan Dimensi Kemiskinan, Kumpulan Rencana Tentang Kemiskinan, Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, m.s. 259.

14. Berita Harian 29 November 1983, m.s 10

Oleh itu dapatlah dikatakan, selagi terdapat tanah yang dibiarkan begitu sahaja di kawasan bandar, selagi itulah bilangan rumah setinggan akan terus dibina. Tetapi ini tidaklah bermakna tidak harus dibiarkan tanah kosong di kawasan bandar. Seharusnya tindakan yang tegas harus diambil terhadap mereka yang menduduki tanah-tanah simpanan.



C. Akibat Kewujudan Setinggan

Setinggan lebih banyak memberi kesan-kesan negatif berbanding dengan kesan-kesan positif. Ini dapat dilihat dari cara kita merujuk masalah setinggan sebagai "masalah sosial".

Masalah setinggan ini adalah satu beban bagi satu-satu majlis perbandaran, kerajaan negeri dan seterusnya bagi kerajaan Persekutuan. Kerajaan terpaksa mengadakan peruntukan khas bagi membasmi kemiskinan di bandar yang biasanya berlaku di kalangan penduduk setinggan. Walaupun matlamat kerajaan adalah untuk membasmi kemiskinan dalam Dasar Ekonomi Baru, namun matlamat itu tidak tercapai.

Apabila penduduk di satu-satu bandar bertambah, sama ada secara semulajadi ataupun disebabkan oleh faktor migrasi, pihak penguasa di bandar itu terpaksa menyediakan rumah bagi penduduk kawasan berkenaan. Disebabkan sifat ekonomi penduduk setinggan, kerajaan maupun pihak swasta terpaksa membina rumah murah, rumah pangsa, rumah panjang dan sebagainya. Ini adalah satu masalah kepada pihak pengusaha perumahan.

Setinggan juga boleh menjatuhkan imej sesbuah negara. Kewujudan kawasan setinggan di bandar-bandar yang pesat membangun menunjukkan kelemahan pihak pemerintah menyediakan perumahan yang sesuai bagi rakyatnya.

Kewujudan setinggan juga membantutkan kerja-kerja pembangunan bandar serta menghalang proses urbanisasi bergerak dengan licin. Ini adalah kerana bila perancangan bandar dan tanah dibuat, harus diambilkira nasib orang-orang setinggan. Selagi mereka tidak diberi pampasan yang sewajarnya selagi itulah mereka duduki secara haram itu. Ini adalah satu lagi kesan negatif dari setinggan.

Bila kerja menduduki tanah orang secara haram menjadi mudah, lebih ramai orang akan terdorong untuk berhijrah dari desa ke bandar. Ini menyebabkan tenaga kerja di desa berkurangan. Oleh itu pihak kerajaan akan menghadapi masalah dalam memajukan sektor pertanian di desa yang kekurangan tenaga buruh.

Satu lagi kesan buruk yang diwujudkan oleh penduduk setinggan adalah dari segi membeli rumah. Oleh kerana penghuni setinggan diberi keutamaan dalam membeli rumah-rumah kos rendah dan rumah pangsa, maka ini menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan penduduk tempatan di kawasan berkenaan.

Selain daripada kesan-kesan negatif, terdapat juga kesan-kesan positif dari setinggan ini. Salah satu darinya adalah, penghuni setinggan menyediakan buruh murah kepada kilang-kilan perindustrian di bandar-bandar. Mereka menyumbangkan tenaga kerja murah bagi kilang yang intensif buruh.

D. Kesimpulan

Sebagai kesimpulan dapatalah dikatakan bahawa sebab-sebab yang telah diberikan iaitu kemiskinan, masalah perumahan, proses urbanisasi, tanah terbiar dan dasar penjajah merupakan sebab-sebab utama yang membawa kepada kewujudan masalah setinggan di bandar-bandar besar di Malaysia. Sekiranya langkah-langkah yang efektif tidak diambil maka sudah tentu setinggan yang sedang tumbuh bagai cendawan ini tidak dapat dihapuskan. Dalam bab kelima akan dibincangkan langkah-langkah bagi mengatasi masalah setinggan ini.

KAJIAN SOSIO-EKONOMI SERTA MASALAH SETINGGAN KG.MUHIBAH

A. Pendahuluan

Bab ini adalah merupakan hasil kajian yang telah dilakukan oleh penulis di kawasan penyelidikan iaitu Kg. Muhibah, Sg. Renggam, Shah Alam.

Tanah simpanan Jabatan Keretapi Tanah Melayu adalah salah satu kawasan tumpuan penghuni setinggan. Di Malaysia, tanah seluas 14,000 hektar didiami oleh kira-kira 200,000 orang setinggan dan 15,000 daripadanya adalah tertumpu di Lembah Kelang.¹

Landasan Sg. Renggam(Sg. Renggam Railways) adalah satu laluan keretapi yang menuju dari Kuala Lumpur ke Pelabuhan Kelang. Tempat ini juga adalah merupakan satu kawasan petempatan setinggan. Rumah-rumah setinggan banyak dibina di tanah Jabatan Keretapi terutamanya dari Rawang hingga Segambut dan dari Kuala Lumpur ke Pelabuhan Kelang.²

Walaupun kawasan seperti ini tidak selamat diduduki terutamanya bagi kanak-kanak disebabkan kemalangan sering berlaku, namun masih ada orang yang membina rumah-rumah di situ. Kajian ini telah dijalankan bagi mengetahui sebab mereka berbuat demikian.

1. Berita Harian, 29 November, 1983, m.s. 10
2. Pemerhatian.

B. Lokasi Kg. Muhibah

Kg. Muhibah adalah salah satu kawasan setinggan di Shah Alam, Selangor. Ianya terletak berhampiran dengan stesen perhentian keretapi Sg. Renggam.

Walaupun bandar Shah Alam, yang merupakan ibu negeri Selangor sedang mengalami pembangunan yang pesat, namun masalah setinggan masih tidak dapat diatasi. Sepertimana yang kita sedia maklum, Shah Alam adalah salah satu daripada bandar perindustrian yang utama di Malaysia. Oleh itu tidak menghairankan sekiranya wujud kawasan setinggan di bandar ini.

Peta 4.1 menunjukkan lokasi Kg. Muhibah di bandar Shah Alam. Didapati Kg. Muhibah ini dikelilingi oleh kawasan perindustrian dan kawasan perumahan moden.


Peta 4.2 pula menunjukkan Kg. Muhibah itu sendiri. Rumah-rumah setinggan dibina selari dengan landasan keretapi. Keadaan rumah juga tidak begitu teratur. Kg. Muhibah juga hanya boleh dihubungi dengan kereta dan motosikal oleh satu lorong pasir yang bersambung ke jalan utama.

C. Sejarah Kg. Muhibah

Kg. Muhibah telah lama diduduki orang iaitu sejak sebelum merdeka lagi. Ada keluarga yang telah menetap di situ lebih dari 30 tahun. Berhampiran dengan laluan Sg. Renggam ini pernah wujud sebuah ladang getah. Apabila ladang itu dibersihkan lebih kurang 8 tahun yang lalu untuk tujuan pembangunan bandar, terdapat beberapa keluarga dari ladang itu, terutamanya yang tidak mampu membeli rumah, telah datang menghuni di Kg. Muhibah. Inilah sebabnya kenapa kebanyakan pendudukan di situ berbangsa India.


Dari segi geografi, Kg Muhibah adalah memanjang di sepanjang landasan keretapi. Ia juga terletak di kawasan yang lebih rendah. Kg Muhibah juga terdiri dari 3 golongan kaum yang utama, iaitu majorti orang India, orang Melayu dan diikuti dengan orang Indonesia. Orang Indonesia ini merupakan mereka yang berhijrah datang ke Malaysia untuk mencari peluang hidup yang lebih baik.

Peta 4.1 : Menunjukkan Lokasi Kg. Muhibah dan Sebahagian Dari Bandar Shah Alam.



0 CM 1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 11 12 13 14 15

Peta 4.2 : Menunjukkan Kg. Muhibah



Rumah responden

D. Sosio-Ekonomi Responden Kg. Muhibah

1. Penduduk dan Responden

Kg. Muhibah terdiri daripada 3 kumpulan etnik yang utama iaitu orang India, Melayu dan Indonesia. Orang Indonesia ini pula terdiri daripada 2 kumpulan iaitu mereka yang menjadi penduduk tetap Kg. Muhibah dan yang hanya menetap untuk sementara waktu sahaja. Golongan yang kedua ini adalah terdiri dari buruh-buruh kontraktor yang terlibat dalam kerja-kerja pembinaan berhampiran dengan Kg. Muhibah. Apabila kerja-kerja pembinaan itu selesai, maka penghuni sementara yang kebanyakannya menetap di kongsi, akan berpindah ke kawasan lain mencari pekerjaan baru.

Bagi tujuan kajian, seramai 60 sampel telah diambil, dari jumlah lebih kurang 200 keluarga yang menghuni di Kg. Muhibah. Hampir kesemua mereka adalah terdiri dari ketua keluarga dan hanya beberapa keluarga sahaja ketua keluarga sukar ditemui, maka isteri masing-masing telah memberi kerjasama.

Jadual 4.1 : Menunjukkan Komposisi Etnik Responden

Responden	Bilangan	Peratusan
India	30	50
Melayu	20	33.3
Indonesia	10	16.7
Jumlah	60	100 %

Memandangkan majoriti penghuni Kg. Muhibah adalah orang India, maka tidak hairanlah jika 50 % ataupun 30 orang daripada jumlah sampel adalah terdiri daripada orang India. Ini diikuti dengan etnik Melayu yang mana diambil seramai 20 sampel manakala 10 sampel dari etnik Indonesia. Orang Indonesia yang diambil sebagai responden adalah terdiri dari penghuni tetap Kg. Muhibah.

2. Peringkat Umur

Jadual 4.2 : Umur Responden Mengikut Etnik

Peringkat Umur	Etnik			Peratusan
	India	Melayu	Indonesia	
20-30 tahun	8	6	4	30
31-40 tahun	15	6	3	40
41-50 tahun	4	6	2	20
51 tahun ke atas	3	2	1	10
Jumlah	30	20	10	100 %

Dari kajian yang telah dijalankan, didapati 90% daripada responden di Kg. Muhibah ini adalah terdiri daripada mereka yang berumur kurang dari 50 tahun. Kebanyakan dari golongan ini iaitu 40 % dari jumlah responden adalah dalam lingkungan umur 31 - 40 tahun. Ini menunjukkan bahawa ketua keluarga yang juga merupakan responden adalah terdiri daripada orang yang masih muda.

Bagi ketua keluarga yang berumur lebih 50 tahun, ia hanya memberikan satu jumlah kecil responden. Dari perhatian, dalam keluarga sebegini anak-anak responden juga masing-masing memikul beban atau tanggungjawab keluarga.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa beban atau tanggungjawab keluarga dipikul oleh golongan yang masih muda lagi dan mereka dapat menghadapi cabaran-cabaran menghuni kawasan setinggan dengan mudah.

3. Saiz keluarga

Saiz keluarga di sini bermakna jumlah ahli dalam sesebuah keluarga terdiri dari orang dewasa hingga kepada kanak-kanak.

Jadual 4.3 : Menunjukkan Bilangan Ahli Dalam Keluarga Responden

Bilangan Ahli	Etnik			
	India	Melayu	Indonesia	Peratusan
2 - 5 orang	9	8	5	36.7
6 - 9 orang	12	10	2	40.0
10-13 orang	8	0	3	18.3
14-17 orang	1	2	0	5.0
Jumlah	30	20	10	100 %

Dari analisa yang telah dijalankan, adalah didapati bahawa 40 % (24) daripada keluarga setinggan Kg. Muhibah mempunyai bilangan ahli keluarga antara 5 - 7 orang. Seramai 14 buah keluarga (23.3%) daripada jumlah keluarga responden mempunyai saiz keluarga yang lebih besar iaitu dengan seramai 8 - 13 orang ahli.

Daripada jadual 4.3 juga kita dapat lihat dengan jelas bahawa etnik India terdiri dari kumpulan yang besar keluarganya. Sebanyak 26.7 % daripada jumlah keluarga responden India mempunyai bilangan ahli keluarga antara 10-13 orang. Ini adalah satu saiz yang terlalu besar berbanding dengan saiz rumah setinggan di Kg. Muhibah.

Jika dibandingkan antara saiz keluarga responden dengan bilangan bilik dalam setiap rumah setinggan ini, ia mewujudkan satu keadaan yang jelas membayangkan satu kesesakan. Purata ahli bagi sebuah keluarga India adalah 7.1 orang manakala, dari kajian juga didapati, purata bilik adalah 2 buah bagi setiap rumah. Di Kg. Muhibah saiz tanah menghalang penghuni setinggan di sana membina rumah yang besar dengan bilangan bilik yang banyak.

4. Taraf Perkahwinan dan Bilangan Anak

Jadual 4.2 yang menunjukkan umur responden juga menjelaskan pada kita bahawa kebanyakannya atau 70 % daripada responden berada pada peringkat umur antara 20 - 40 tahun. Maka tidak hairanlah jika didapati bahawa 73.4 % atau seramai 44 orang responden adalah mereka yang sudah berkahwin. Hanya 18.3 % responden sahaja yang merupakan orang bujang.

Jadual 4.4 : Menunjukkan Taraf Perkahwinan Responden

Taraf Perkahwinan	Etnik				Peratusan
	India	Melayu	Indonesia		
Sudah Kahwin	25	12	7		73.4
Bujang	2	6	3		18.3
Duda	0	2	0		3.3
Janda	3	0	0		5.0
Jumlah	30	20	10		100 %

Jadual 4.5 : Menunjukkan Bilangan Anak Responden

Bilangan	Etnik				Peratusan
	India	Melayu	Indonesia		
1 - 3	14	8	4		43.3
4 - 6	10	5	3		30.0
7 - 9	3	0	0		5.0
10-12	1	1	0		3.3
Tiada anak	2	6	3		18.4
Jumlah	30	20	10		100 %

Jadual 4.5 menunjukkan bilangan anak responden mengikut etnik. Didapati orang India mempunyai bilangan anak yang lebih ramai dibandingkan dengan orang Melayu dan orang Indonesia. Purata anak bagi seorang responden India adalah 4 orang manakala bagi responden Melayu ialah 3 orang dan responden Indonesia pula adalah 2 orang.

Sebanyak 43.3 % daripada jumlah responden mempunyai bilangan anak yang terkecil iaitu antara 1-3 orang. Dari kajian yang dilakukan juga didapati anak-anak dalam kategori ini adalah kanak-kanak yang di bawah 12 tahun. Aspek ini dijelaskan dan disokong oleh data di Jadual 4.2 yang menunjukkan umur responden. Oleh kerana 30 % daripada responden adalah berumur antara 20-30 tahun, mereka masih berupaya menambah bilangan anak.

Hanya 18.4 % daripada responden sahaja yang tidak mempunyai anak. Ini adalah disebabkan satu faktor utama iaitu responden terdiri dari orang bujang.

5. Taraf Pendidikan dan Pekerjaan

Pendidikan memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan kita. Kemiskinan tidak akan menghalang penduduk setinggan dari mendapatkan pendidikan; sekurang-kurangnya sehingga peringkat sekolah rendah.

Jadual 4.6 : Menunjukkan Taraf Pendidikan Responden

Peringkat	Etnik			Peratusan
	India	Melayu	Indonesia	
Darjah 1-6	14	14	6	56.7
Tingkatan 1-3	11	6	3	33.3
Tingkatan 4-6	2	0	0	3.3
Tidak bependidikan	3	0	1	6.7
Jumlah	30	20	10	100 %

Jadual 4.5 menunjukkan taraf pendidikan yang dicapai oleh responden Kg. Muhibah. Didapati hanya 6.7 % daripada jumlah responden sahaja yang tidak berpendidikan langsung. Sebanyak 56.7 % mendapat pendidikan hingga ke peringkat rendah. Hanya sebilangan kecil atau 3.3 % daripada jumlah responden sahaja mendapat pendidikan hingga ke peringkat menengah atas (Tingkatan 4-6).

Pendidikan dan pekerjaan adalah 2 perkara yang amat berkait antara satu sama lain. Taraf pendidikan biasanya dijadikan kriteria yang penting dalam menentukan jenis pekerjaan seseorang. Seseorang individu yang berpendidikan tinggi boleh mendapat satu pekerjaan yang bergaji tinggi berbanding dengan mereka yang berpendidikan rendah atau tidak berpendidikan langsung. Keadaan yang sama wujud di kawasan kajian iaitu, Kg. Muhibah.

Jadual 4.7 : Menunjukkan Pekerjaan Responden

Jenis Pekerjaan	Bilangan	Peratusan
Pegawai Kerajaan	2	3.33
Buruh Kilang	34	56.67
Kontraktor biasa	17	28.33
Perniaga kecil ^a	2	3.33
Lain-lain ^b	5	8.34
Jumlah	60	100%

Nota : a. peniaga kecil yang dimaksudkan di sini adalah mereka yang mempunyai kedai runcit berskil kecil.

b. Lain-lain adalah termasuk mereka yang bekerja sebagai jaga, tukang kebun dan sebagainya.

Jika diperhatikan Jadual 4.7, didapati satu perkaitan yang jelas antara taraf pendidikan dan jenis pekerjaan responden. Oleh kerana hanya 3.3 % responden telah mendapat pendidikan hingga ke peringkat menengah atas (antara Tingkatan 4 - 6), maka bilangan responden yang berpekerjaan baik dengan gaji yang tinggi juga sedikit iaitu hanya 2 orang sahaja atau 3.33 % sahaja.

Didapati kebanyakkan dari responden iaitu sebanyak 56.67 % adalah pekerja kilang. Ini tidaklah menghairankan kerana Kg. Muhibah dikeliling oleh banyak kilang perindustrian yang menyediakan peluang pekerjaan terutamanya bagi buruh tidak mahir. Antara kilang-kilang yang didapati berhampiran Kg. Muhibah adalah kilang-kilang besi dan keluli seperti Bright Steel Sdn. Bhd., Oriental Metal Nupro, Maruici Malaysia Steel dan sebagainya, kilang kejuruteraan seperti Mam Fatt Engineering, Indo Malaysia Engineering Company dan banyak lagi jenis kilang. Hampir kesemua responden yang bekerja di kilang-kilang ini adalah sebagai buruh separuh mahir ataupun yang tidak mahir.

Sebanyak 28.33 % daripada jumlah responden adalah terlibat dalam kerja-kerja kontraktor. Ini kerana pada masa ini banyak kerja-kerja pembinaan sedang berjalan juga berhampiran dengan Kg. Muhibah. Selain daripada ini, terdapat juga mereka yang terlibat dalam perniagaan runcit. Walaupun harga barang di kedai-kedai ini agak mahal, namun penduduk setinggan di situ masih membeli barang dapur mereka di kedai-kedai berkenaan.

6. Pendapatan Responden

Jadual 4.8 : Menunjukkan Pendapatan Responden Mengikut Etnik

Tingkat Pendapatan	Etnik			
	India	Melayu	Indonesia	Peratusan
\$300 ke bawah	6	2	3	18.33
\$300-500	12	12	6	50
\$500-700	8	6	1	25
\$700-\$900	3	0	0	5
\$900 ke atas	1	0	0	1.67
Jumlah	30	20	10	100 %

Jadual 4.8 di atas memberikan satu data yang berkaitan dengan pendapatan isi rumah setinggan di Kg. Muhibah. Pendapatan juga berkait rapat dengan pekerjaan setinggan. Didapati terdapat 18.33 % daripada responden berpendapatan kurang dari \$300. Ini adalah satu keadaan yang menyedihkan kerana keluarga yang menerima pendapatan serendah itu sudah tentu benar-benar hidup dalam kemiskinan.

Kebanyakan keluarga setinggan di sini mendapat pendapatan antara \$ 300-500 sebulan iaitu sebanyak 50 %. Sebanyak 25 % responden pula mendapat pendapatan dalam lingkungan \$500-700. Namun tidak semua setinggan mendapat pendapatan yang rendah. Sebanyak 3 % mendapat \$700 - 900 sebulan dan 1.67 % pula mendapat lebih \$900 sebulan.

Kebanyakkan penghuni setinggan bergaji di bawah \$700 kerana dari jadual 4.7 didapati 97 % dari responden merupakan buruh tidak mahir.

7. Tempat Asal Responden

Seperti mana yang kita sedia maklum, penghijrahan adalah satu sebab berlakunya setinggan di kawasan bandar. Begitu juga dengan orang setinggan di Kg. Muhibah. Dari kajian yang telah dijalankan adalah didapati penghuni setinggan ini berasal dari beberapa pelusuk Malaysia mahupun dari luar negeri. Jadual 4.9 menunjukkan tempat asal responden Kg. Muhibah.

Kebanyakkan orang India yang menghuni di setinggan Kg. Muhibah ini adalah berasal dari Negeri Selangor. Lain-lainnya adalah dari Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Perak, Kedah dan seorang dari India. Responden Melayu juga paling ramai, iaitu 10 orang adalah berasal dari Negeri Selangor. Terdapat seorang yang berasal dari Singapura. Responden etnik Indonesia berasal dari 3 kawasan utama iaitu 5 orang dari Jawa Timur, 4 orang dari Sumatera dan seorang dari Riau.

Secara keseluruhan dapat dikatakan bahawa migrasi dalam adalah lebih pesat dan lebih jelas di Kg. Muhibah. Negeri Selangor mencatat peratus tertinggi iaitu 48.33 % dari jumlah responden adalah dari berbagai tempat di Selangor. Antaranya ialah dari Hulu Selangor, Banting, Rawang dan kawasan persekitaran Shah Alam sendiri.

Jadual 4.9 : Menunjukkan Tempat Asal Responden

Tempat Asal	Etnik			
	India	Melayu	Indonesia	Peratusan
Wilayah Persekutuan	2	4	-	10
Pulau Pinang	2	-	-	3.33
Selangor	19	10	-	48.33
Perak	5	3	-	13.33
Kedah	1	2	-	5.00
Singapura	-	1	-	1.67
India	1	-	-	1.67
Jawa Timur	-	-	5	8.33
Sumatera	-	-	4	6.67
Riau	-	-	1	1.67
Jumlah	30	20	10	100 %

8. Sebab dan lama Menetap

Kg. Muhibah telah diduduki setinggan sejak sebelum mereka. Dari kajian yang telah dijalankan, penghuni setinggan di situ memberikan pelbagai alasan kenapa mereka masih dan ingin menetap di situ. Tiga alasan utama yang di berikan oleh setinggan di situ ditunjukkan oleh Jadual 4.10 di bawah.

Jadual 4.10 : Sebab-sebab Responden Berhijrah

Sebab	India	Melayu	Indonesia	Peratus
Pekerjaan	23	16	10	81.67
Berkahwin (mengikut suami)	4	2	0	10
Tempat lahir	3	2	0	8.33
Jumlah	30	20	10	100 %

Dari jadual di atas kita dapat satu kesimpulan bahawa 81.67 % daripada setinggan Kg. Muhibah datang ke situ atas tujuan peluang pekerjaan di Shah Alam. Ini tidaklah menghairankan sebab berhampiran dengan Kg. Muhibah terdapat banyak kilang yang menyediakan peluang pekerjaan bagi buruh-buruh tidak mahir atau separuh mahir.

Selain dari tujuan pekerjaan, ada juga responden yang telah datang menetap di Kg. Muhibah atas alasan mengikut suami. Disebabkan seseorang suami itu menetap di kawasan setinggan ini maka terpaksalah si isteri pun turut menetap bersama.

Kg. Muhibah juga merupakan tempat lahir bagi 8.33 % daripada jumlah responden. Ini tidaklah menghairankan kerana setinggan telah wujud di Kg. Muhibah sejak lebih 30 tahun yang lalu.

Jika dilihat dari segi tempoh masa penempatan sesebuah keluarga, didapati 15 % daripada responden adalah penghuni yang baru datang ke Kg. Muhibah. Ini ditunjukkan oleh Jadual 4.11 di bawah.

Jadual 4.11 : Menunjukkan Lama Menetap

Jangkamasa	Etnik			
	India	Melayu	Indonesia	Peratusan
Kurang 1 tahun	6	2	3	18.33
1-5 tahun	12	12	6	50
5-10 tahun	8	6	1	25
lebih 10 tahun	3	0	0	5
Jumlah	30	20	10	100 %

Keluarga India merupakan etnik yang paling besar menduduki Kg. Muhibah untuk tempoh 5-10 tahun dan 10 tahun ke atas. 50 % daripada responden India telah menetap di sini untuk lebih 10 tahun. Walaupun pada kebiasaannya kawasan setinggan adalah satu kawasan yang serba kekurangan, namun golongan ini masih dapat menghadapi segala cabaran itu. Jadual 4.11 juga menunjukkan bahawa 40 % daripada responden Melayu telah menduduki Kg. Muhibah untuk tempoh 5 - 10 tahun.

Secara keseluruhan, 36.67 % daripada jumlah responden telah menetap di Kg. Muhibah untuk lebih 10 tahun.

Masalah Setinggan Kg. Muhibah.

Masalah Memiliki Rumah

Daripada kajian yang telah dijalankan didapati penghuni setinggan Kg. Muhibah menghadapi banyak masalah terutama dari segi sosial. Mereka hidup dalam keadaan yang agak serba kekurangan.

Masalah perumahan adalah satu masalah serius yang dihadapi oleh penduduk setinggan Kg. Muhibah. Harga rumah adalah penentu terhadap permintaan untuk rumah. Rumah kos rendah yang dijual pada hanya \$25,000 adalah satu harga yang terlalu tinggi terutamanya bagi mereka yang berpendapatan \$500 ke bawah sebulan. Bagi penghuni setinggan Kg. Muhibah bukan harga rumah sahaja yang menjadi penghalang bagi mereka memiliki sebuah rumah tetapi juga pihak yang terlibat dalam menjual rumah-rumah kos ini. Ini adalah kerana adanya pihak yang cuba mendapatkan rasuah bagi setiap rumah yang ingin dibeli oleh penduduk Kg. Muhibah. Rasuah ini akan menambah lagi harga rumah. Selain daripada itu, sikap tidak peduli terhadap permohonan untuk rumah yang dibuat oleh penghuni Kg. Muhibah juga menghalang mereka daripada memiliki rumah.

Penghuni setinggan di sini juga tidak begitu gemar membeli rumah-rumah pangsa yang ditawarkan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS). Alasan yang di berikan oleh mereka adalah saiz rumah pangsa terlalu kecil berbanding dengan saiz keluarga. Ini adalah benar memandangkan 40 % daripada jumlah responden mempunyai purata ahli seramai 7.5 orang bagi satu keluarga. Rumah pangsa juga tidak selamat terutamanya bagi kanak-kanak. Inilah alasan-alasan yang digunakan oleh mereka yang walaupun mampu tetapi tidak mahu membeli rumah pangsa. Namun, ada juga keluarga yang sedia membeli rumah-rumah pangsa kerana mereka berpendapat "something is better than nothing".

Rumah yang ditawarkan oleh pihak kerajaan tidak begitu disukai oleh kebanyakan responden Kg. Muhibah. Bagi mereka, rumah-rumah panjang yang disediakan bagi tujuan penempatan sementara adalah kurang sesuai dari segi saiz dan luas persekitaran.

Rumah panjang ini juga dibina di tempat yang jauh dari Kg. Muhibah seperti di Jinjang, Puchong, Pelabuhan Kelang dan Sungai Besi. Sekiranya penghuni setinggan ini bersetuju pindah ke kawasan-kawasan ini, mereka akan menghadapi masalah-masalah baru seperti mencari pekerjaan baru dan mendapatkan kemasukan ke sekolah bagi anak-anak mereka.

Satu perkara yang sangat jelas dari kajian yang telah dijalankan ialah hampir tiga perempat (3/4) daripada jumlah responden ini sedia berpindah tetapi diganggu oleh halangan-halangan seperti yang dinyatakan di atas.

2. Kekurangan Kemudahan

Kemudahan asas adalah sangat penting bagi menjamin kesejahteraan rakyat. Walaupun negara kita telah mencapai kemerdekaan untuk 34 tahun, namun tidak semua rakyat Malaysia dapat menikmati segala kemudahan yang disediakan.

Penghuni Kg. Muhibah hidup dalam keadaan yang serba kekurangan. Ini tidaklah menghairankan memandangkan kawasan setinggan memang tidak diberi perhatian yang serius oleh mana-mana pihak melainkan jika mereka menjadi penghalang bagi sesuatu projek. Di Kg. Muhibah, walaupun bekalan air paip ada disediakan namun caranya adalah amat menyedihkan. Sebanyak 8 - 10 keluarga terpaksa berkongsi satu paip awam. Mereka bergilir-gilir memasang paip dan menakung air untuk kegunaan seharian. Ada keluarga yang terpaksa menunggu giliran mereka sehingga pukul 2 atau 3 pagi. Setiap keluarga hanya dibenarkan menggunakan paip berkenaan selama dua jam sahaja.

Bekalan elektrik adalah satu lagi kemudahan yang tidak dapat dinikmati oleh golongan penduduk di Kg. Muhibah ini. Walaupun aliran elektrik didapati di kawasan sekeliling Kg. Muhibah tetapi bekalan elektrik tidak dibekalkan di tempat kajian ini. Penghuni setinggan di sini bergantung kepada kuasa generator, bateri dan minyak tanah bagi tujuan menggunakan lampu serta barang elektrik yang tertentu seperti kipas, lampu kalimantan atau mentol, peti television, radio dan video.

Jadual 4.12 menunjukkan dengan jelas betapa besarnya peranan bahanapi-bahanapi ini dalam kehidupan sehari-hari responden di Kg. Muhibah ini.

Jadual 4.12 : Menunjukkan jenis Bahanapi yang Diguna Oleh Responden Kg. Muhibah

Jenis bahanapi	Kumpulan Etnik			
	India	Melayu	Indonesia	Peratus
Generator	20	14	1	58.33
Bateri	4	4	2	16.67
Minyak tanah	6	2	7	25.00
Jumlah	30	20	10	100 %

Dari jadual di atas didapati 58.33% daripada jumlah responden bergantung kepada kuasa generator. Ini adalah kerana kos jangka panjang bagi generator adalah rendah. Hanya 16.67 % responden menggunakan bateri sebab bateri perlu dicas kerapkali jika banyak diguna. Didapati juga, 25 % daripada responden menggunakan lampu minyak tanah sebab kosnya yang lebih rendah berbanding dengan generator atau bateri.

Disebabkan kuasa bahanapi di atas adalah rendah berbanding dengan tenaga elektrik, penghuni setinggan disini hanya dapat menggunakan barang seperti lampu kalimantan, radio, kipas, television dan video sahaja.



Gambar 1 menunjukkan sebatang paip awam yang terpaksa dikongsi oleh beberapa keluarga



Gambar 2 menunjukkan barang elektrik yang biasa dijumpai di kebanyakan rumah setinggan.

Di Kg. Muhibah juga tiada jalan yang bertar. Hanya terdapat sebatang lorong pasir yang boleh digunakan oleh kenderaan-kenderaan seperti motosikal, kereta, van dan lori kecil. Landasan keretapi banyak digunakan oleh penduduk setinggan yang berjalan kaki ke tempat kerja atau ingin ke bandar. Gambar 3 menunjukkan lorong pasir utama dan satu-satunya yang digunakan bagi kenderaan besar seperti kereta dan lori. Sebuah rumah dengan rumah lain dihubungi dengan lorong-lorong kecil yang hanya boleh dilalui oleh kenderaan seperti motosikal dan basikal sahaja. Walaupun penghuni setinggan di sini sangat-sangat menginginkan sebuah jalan yang elok namun, impian mereka hanyalah bagai mimpi di siang hari yang tidak mungkin terlaksana.

Daripada pemerhatian juga didapati kira-kira 1/3 daripada penghuni setinggan Kg. Muhibah adalah kanak-kanak yang berumur di bawah 15 tahun. Masalah bagi mereka ini adalah tidak adanya satu tempat yang sesuai untuk dijadikan sebagai tapak permainan. Disebabkan keadaan ini, mereka bermain di tapak pembinaan yang telah dibersihkan. Tempat ini (lihat Gambar 4) hanya boleh digunakan sebagai padang permainan sementara menunggu kerja-kerja pembinaan dimulakan.

Bagi kanak-kanak yang berumur di bawah 5 tahun pula, mereka tidak berpeluang menikmati asas-asas pendidikan di taman bimbingan kanak-kanak. Ini menyebabkan responden tidak dapat memberi pendidikan awal kepada anak-anak mereka. Jika hendak diantar ke tadika di taman kediaman yang berhampiran, pengangkutan menjadi masalah bagi mereka. Ini semua adalah masalah yang tidak dapat diatasi oleh penghuni setinggan di sini tanpa bantuan dari mana-mana pihak swasta mahupun kerajaan.



Gambar 3 menunjukkan satu-satunya jalan pasir utama di Kg Muhibah



Gambar 4 menunjukkan tapak pembinaan yang digunakan sebagai padang permainan sementara,

Kemudahan awam lain yang tidak terdapat di Kg. Muhibah ini adalah seperti perkhidmatan pos. Perkhidmatan pos yang merupakan satu sistem perhubungan yang sangat penting dewasa ini tidak terdapat di sini. Penghuni setinggan di sini biasanya menggunakan alamat tempat kerja mereka untuk sebarang surat-menjurat.

Masalah kemudahan asas ini adalah satu masalah biasa di kawasan setinggan. Walau bagaimanapun masalah ini tidak mungkin dapat diatasi sepenuhnya kerana masalah-masalah ini dicari sendiri oleh penghuni setinggan dan kerajaan hanya akan membantu setakat yang boleh atas dasar perikemanusiaan.


3. Masalah kebersihan

Kebersihan dapat menjamin keselamatan kita. Tahap kebersihan di Kg. Muhibah adalah dalam keadaan yang amat memerlukan.

Sistem pembetungan adalah dalam keadaan yang teruk di sini. Tandas merupakan masalah yang menjadi sungutan hampir kebanyakannya daripada para responden. Bagi penghuni setinggan yang membina rumah di belakang kilang-kilang, mereka mendirikan tandas di atas longkong (seperti dalam Gambar 5) yang diguna oleh kilang-kilang ini untuk mengalirkan air. Bagi rumah-rumah yang dibina jauh dari longkong ini, mereka membuang air di mana-mana sahaja pada waktu malam mengikut kesesuaian mereka.

Pembuangan sampah juga merupakan masalah bagi setinggan di sini. Mereka terpaksa membakar sampah sarap sendiri dan ada juga di antara mereka yang membiarkan sampah mereka begitu sahaja. Selain daripada itu, semak samun juga tumbuh meliar di kawasan persekitaran beberapa rumah. Kelemahan penghuni setinggan di sini adalah tiada semangat gotong royong di kalangan mereka. Sampah sarap yang dibuang ke dalam longkong akan menghalang larian air. Ini bukan sahaja memberikan bau yang busuk malah membolehkan pembiakan nyamuk aedes. Menurut seorang responden, walaupun aduan mengenai perkara ini telah disampaikan kepada pihak yang bertanggungjawab iaitu MPSA namun, tiada tindakan yang diambil.

Secara keseluruhan dapatlah dikatakan bahawa kebersihan di kawasan ini adalah tidak terjaga. Masalah kebersihan juga wujud akibat sikap penghuni setinggan di sini yang tidak begitu mengambil berat tentang kebersihan di kawasan sekeliling rumah mereka.



UNIVERSITY OF MALAYA LIBRARY . MICROFILM .



<---- Gambar 5
Menunjukkan Tandas yang dibina di atas lonkang



Gambar 6 ---->
Kekotoran longkang akibat sampah yang tersumbat jelas dilihat

4) Lain-lain masalah

Masalah pencemaran adalah satu lagi perkara yang menjadi rungutan responden di sini terutamanya pencemaran udara. Ini tidaklah menghairankan sebab terdapat banyak kilang berhampiran dengan Kg. Muhibah. Pencemaran bunyi juga berlaku di sini. Bunyi bising dari kilang-kilang yang berhampiran apabila enjin-enjin dijalankan dan bunyi bising apabila keretapi lalu. Namun, menurut mereka lagi, bunyi bising itu telah menjadi sebahagian daripada kehidupan mereka.

Mereka juga menghadapi masalah dari segi ekonomi terutamanya keluarga yang berpendapatan kurang dari \$500 sebulan. Keluarga ini sukar mengadakan tabungan bagi masa hadapan. Ini mengakibatkan masa depan mereka adalah tidak terjamin. Selain dari itu, dengan gaji yang rendah juga mereka tidak dapat meningkatkan taraf hidup mereka.

F. Kesimpulan

Kajian yang telah dijalankan di Kg. Muhibah jelas menampakkan bahawa keluarga setinggan di Kg. Muhibah ini memang hidup dalam keadaan yang serba kekurangan. Mereka menghadapi satu kehidupan yang penuh dengan cabaran. Ini tidaklah menghairankan kerana taraf hidup penghuni setinggan di sini tidak seimbang dengan taraf pembangunan bandar Shah Alam. Nasib mereka banyak bergantung kepada belas kasihan pihak-pihak yang tertentu seperti KTM.

CARA-CARA MENGATASI MASALAH SETINGGAN

A. Pendahuluan

Masalah setinggan adalah satu masalah sosial yang sukar diselesaikan dalam jangkamasa yang pendek. Ia mengambil masa dan wang yang banyak. Malaysia, sebagai sebuah negara yang sedang membangun, terpaksa menjalankan pelbagai langkah bagi mengatasi masalah setinggan di bandar-bandar utama seperti Kuala Lumpur, Shah Alam, Petaling Jaya, Johor Baharu dan lain-lain lagi.

Setakat ini banyak langkah yang telah diambil oleh kerajaan Malaysia, namun kesannya tidaklah begitu membanggakan. Ini adalah kerana semakin pesat proses pembandaran, semakin bertambah bilangan penduduk setinggan. Dalam setiap rancangan Malaysia, sejumlah peruntukan disediakan bagi membantu golongan miskin di bandar. Misalnya dalam Rancangan Malaysia Keenam, sebanyak \$600 juta diperuntukkan bagi membantu golongan termiskin. Daripada rujukan yang telah dijalankan oleh penulis didapati banyak langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh kerajaan kita berkenaan dengan masalah setinggan ini.

B. Membasmi kemiskinan

Sepertimana yang telah diterangkan dalam Bab III, masalah kemiskinan adalah satu daripada banyak sebab yang membawa kepada kewujudan setinggan. Oleh itu adalah wajar bagi kerajaan mengambil langkah-langkah yang berkesan bagi mengatasi masalah kemiskinan ini.

Bekas Menteri Besar Kedah, Datuk Sri Syed Nahar Shahabudin pernah menyeru golongan cendekiawan memberi buah fikiran mereka membantu kerajaan membasmi kemiskinan.¹

1. Utusan Malaysia, 22hb April 1983, m.s. 16

Beliau juga pernah mengesyorkan satu bentuk insentif kewangan dan percukaian diberi kepada sektor pertanian untuk mengimbangkan taraf ekonomi golongan petani. Yang Dipertua Institut Pertanian Malaysia (AIM) juga pernah menggesa kerajaan menubuh sebuah Pusat Pengajian Kemiskinan yang akan bertindak sebagai makmal mengkaji punca-punca kemiskinan di samping membuat projek-projek induk yang merupakan pendekatan kepada masalah kemiskinan.² Kedua-dua perkara di atas jelas membuktikan bahawa kerajaan memang berhasrat membasmi kemiskinan di Malaysia seberapa yang boleh.

Selain daripada langkah yang pernah diambil banyak langkah yang sedang diambil seperti memberi subsidi kepada para nelayan dan petani bagi meningkatkan taraf hidup mereka. Pendidikan juga dititikberatkan kerana dewasa ini, seseorang yang berpendidikan tinggi dapat meningkatkan taraf hidupnya berbanding dengan seorang yang tidak berpendidikan.

Bagi menunjukkan betapa kerajaan mengambil serius masalah kemiskinan, dalam kesemua rancangan pembangunan Malaysia dimuatkan masalah kemiskinan dan cara mengatasinya. Langkah masa depan kerajaan bagi mengatasi masalah ini dimuatkan dalam Rancangan Malaysia Keenam (1990-1995). Berhubung dengan golongan termiskin, satu pakej program yang dinamakan Program Pembangunan Bagi Golongan Termiskin akan dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak kira-kira \$600 juta bagi memenuhi keperluan khusus golongan tersebut.³ Pakej ini mengandungi program-program yang menekankan keperluan makanan dan pemakanan bagi kanak-kanak yang kekurangan zat, penyediaan tempat tinggal yang selesa dan lain-lain jenis bantuan matabenda. Dalam usaha meningkatkan pendapatan mereka ini, projek-projek ekonomi seperti penanaman tanaman kontang dan ternakan akan digalakan di kalangan ahli-ahli keluarga yang masih aktif.

2. Ibid

3. Rancangan Malaysia Keenam, 1990-1995, m.s. 48

Di samping itu, pakej ini juga akan menyediakan kemudahan infrastruktur asas termasuk kemudahan jalanraya, bekalan air dan elektrik, penjagaan kesihatan dan perubatan.

Sekiranya program di atas berjaya, mengikut andaian kerajaan, kadar kemiskinan di bandar khasnya di Semenanjung dapat dikurangkan kepada 9.1 % pada tahun 1995.⁴

Seandainya, semua langkah kerajaan bagi mengatasi masalah kemiskinan ini dijalankan dengan tegas dan secara amanah, besar kemungkinan kesannya ke atas masalah kemiskinan dapat dilihat dengan jelas. Bila kemiskinan dapat dibasmikan, penduduk setinggan yang kebanyakannya adalah dari golongan termiskin sudah tentu dapat meningkatkan taraf hidup mereka dan tidak perlu hidup dalam keadaan yang serba kekurangan.

4. Lihat Jadual 5.1

Jadual 5.1

KADAR KEMISKINAN DAN BILANGAN ISIRUMAH MISKIN, 1985-95

		1985 ^t			1990 ^t			1995		
		Jumlah Bandar		Luar Bandar	Jumlah Bandar		Luar Bandar	Jumlah Bandar		Luar Bandar
		Jumlah	Bandar	Bandar	Jumlah	Bandar	Bandar	Jumlah	Bandar	Bandar
Semenanjung Malaysia										
Kadar Kemiskinan	(%)	18.4	8.2	24.7	15.0	7.3	19.3	9.1	4.1	14.1
Bilangan Isirumah Miskin	('000)	483.3	81.3	402.0	448.9	77.5	371.4	329.5	73.8	256.2
Kadar Kemiskinan Termiskin	(%)	6.3	2.4	8.7	3.6	1.4	4.8	1.7	0.6	2.8
Bilangan Isirumah Termiskin	('000)	165.6	23.8	141.8	107.3	14.9	92.4	61.3	10.6	50.7
Jumlah Isirumah	('000)	2,621.1	991.7	1,629.4	2,986.4	1,062.2	1,924.2	3,627.9	1,804.9	1,823.0
Sabah										
Kadar Kemiskinan	(%)	33.1	14.3	38.6	34.3	14.7	39.1	25.6	8.5	33.0
Bilangan Isirumah Miskin	('000)	76.0	7.5	68.5	96.6	8.5	91.1	91.1	9.1	82.0
Kadar Kemiskinan Termiskin	(%)	9.7	2.9	11.7	8.5	1.7	16.1	5.5	1.3	7.2
Bilangan Isirumah Termiskin	('000)	22.3	1.5	20.8	24.7	1.0	28.7	19.4	1.4	18.0
Jumlah Isirumah	('000)	229.8	52.4	177.4	290.8	57.7	233.1	356.0	107.8	248.7
Sarawak										
Kadar Kemiskinan	(%)	31.9	8.2	37.3	21.0	4.9	24.7	16.0	2.1	20.1
Bilangan Isirumah Miskin	('000)	90.1	4.2	85.9	70.9	3.1	67.8	64.9	1.9	63.0
Kadar Kemiskinan Termiskin	(%)	10.0	1.7	11.9	3.3	0.6	3.9	2.0	0.3	2.5
Bilangan Isirumah Termiskin	('000)	28.2	0.9	27.8	11.3	0.4	10.7	8.1	0.3	7.8
Jumlah Isirumah	('000)	282.4	51.2	231.2	337.4	62.8	274.6	405.3	91.4	313.9
Malaysia										
Kadar Kemiskinan	(%)	20.7	8.5	27.3	17.1	7.5	21.8	11.1	4.2	16.8
Bilangan Isirumah Miskin	('000)	649.4	93.0	556.4	619.4	89.1	530.8	485.5	84.3	401.2
Kadar Kemiskinan Termiskin	(%)	6.9	2.4	9.3	4.0	1.4	5.2	2.0	0.6	3.2
Bilangan Isirumah Termiskin	('000)	216.1	26.2	89.9	143.1	16.3	126.8	88.8	12.3	76.5
Jumlah Isirumah	('000)	3,133.3	1,095.3	2,038.0	3,614.6	1,182.7	2,431.9	4,389.2	2,003.6	2,385.6

Sumber: Rancangan Malaysia Keenam, 1990-1995, m.s. 36

C. Atasi Masalah Perumahan

Bagi mengatasi masalah perumahan juga kerajaan telah mengambil banyak langkah. Kemudahan perumahan untuk golongan miskin adalah satu daripada matlamat sosial yang penting di dalam pembangunan negara. Mulai tahun 1971, program perumahan adalah sebagai sebahagian daripada strategi melaksanakan Dasar Ekonomi Baru kerajaan dalam membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat bagi membasmi pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi.⁵ Dalam Rancangan Malaysia Kelima, bagi pelaksanaan program pembangunan perumahan jangka panjang, dasar perumahan negara yang lengkap telah dicadangkan sebagai panduan kepada perlaksanaan program perumahan yang lebih berkesan bagi memenuhi matlamat penyediaan tempat tinggal dan kemudahan-kemudahan yang mencukupi kepada semua rakyat terutamanya golongan yang berpendapatan rendah.

Sejak tahun 1984, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah melancarkan sistem pendaftaran terbuka dengan menggunakan sistem komputer untuk memproses borang-borang permohonan rumah.⁶ Ini adalah untuk mengelakan daripada masalah pilih kasih, kesesakan ketika membuat permohonan dan untuk mempastikan pemohon yang telah lama mendaftar didahulukan permohonannya. Ini adalah kerana di dalam aspek perumahan ini, ada beberapa masalah yang telah dikenalpasti dan di antaranya adalah kelewatan proses permohonan bagi perumahan.

Selain daripada langkah di atas, kerajaan juga pernah mengarah pembinaan 80,000 unit rumah kos rendah berharga \$25,000 ke bawah setiap tahun mulai 1986 dalam satu rancangan jangka pendek.⁷

-
5. Mohd. Razali Agus, Politik Dalam Perumahan, Gateway Publishing House Sdn. Bhd., K.Lumpur, 1986, m.s. 5
 6. Berita Harian, 2hb. Februari, 1985, m.s.9
 7. Utusan Malaysia, 3hb. Disember 1985, m.s. 1

Kesemua rumah-rumah ini akan diberi keutamaan kepada setinggan-setinggan terutamanya di Kuala Lumpur. Tindakan ini telah diambil seiring dengan permintaan untuk rumah oleh golongan berpendapatan rendah. Badan-badan kewangan juga digesa mengadakan pinjaman bagi mereka yang membeli rumah.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima(RM5) sebanyak 701,500 unit rumah kos rendah telah dirancang untuk pembinaan dengan sektor awam dijangka membina 21 peratus atau 149,000 unit dan sektor swasta sebanyak 79% atau 552,500 unit. Walau bagaimanapun, sektor awam hanya dapat menyiapkan kira-kira 19,750 unit (65%) daripada jumlah sasaran manakala swasta pula hanya 203,800 unit (37%) sahaja. Jadual 5.2 menunjukkan dengan jelas pencapaian sektor awam dan swasta. Kemajuan yang kurang memuaskan dalam perlaksanaan program perumahan ini adalah disebabkan oleh berbagai-bagi faktor. In termasuklah ketidaksesuaian tapak atau lokasi, masalah pengurusan dan kewangan yang dihadapi oleh pemaju-pemaju, penyalahgunaan wang pungutan daripada pembeli dan sebagainya. Faktorfaktor ini telah menyebabkan banyak projek terbengkalai (Lihat jadual 5.3). Memandangkan keadaan ini, Kerajaan telah menubuhkan Tabung Pemulihan Projek Terbengkalai dalam tahun 1990.

Penyediaan perumahan terus diberi tekanan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Langkah-langkah akan diambil bagi memastikan harga rumah kos rendah adalah di bawah \$25,000 seunit atau kurang dari itu supaya ianya mampu dibeli oleh golongan berpendapatan rendah.⁸ Kerajaan juga telah melaksanakan Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan (Akaun Pemajuan Perumahan) yang telah diluluskan pada bulan Ogos 1990 dan berkuatkuasa pada Ogos 1991. Akaun ini adalah bertujuan untuk mengawal penggunaan wang yang dipungut oleh pemaju perumahan berlesen dari pembeli-pembeli rumah bagi membangunkan projek-projek perumahan. Dengan pelaksanaan projek ini ianya akan menghalang penyalahgunaan wang pembeli rumah. Ia juga akan memastikan projek-projek perumahan tidak akan menghadapi masalah projek terbengkalai.

8. Rancangan Malaysia Keenam, 1991-1995, m.s. 148

Program-program penempatan semula setinggan juga akan dilaksanakan dalam tempoh RM6. Bagi keluarga-keluarga setinggan yang tinggal di kawasan yang akan dibangunkan, mereka akan diberi pilihan sama ada untuk membeli atau menyewa rumah kos rendah yang telah sedia dibina ataupun ditempatkan di rumah-rumah panjang sebelum dipindahkan ke rumah kos rendah yang kekal.

Ini adalah sebahagian daripada langkah-langkah kerajaan dalam program perumahan. Sekiranya permintaan untuk perumahan dapat dipenuhi, besar kemungkinan banyak kawasan setinggan dapat dibersihkan. Ini adalah kerana, mengikut Bab III, kita dapat lihat bagaimana masalah perumahan ini membawa kepada kemunculan setinggan. Oleh itu adalah wajar bagi pihak swasta dan kerajaan cuba mengatasi sebab-sebab utama seperti kemiskinan dan perumahan bagi mengurangkan ataupun membasmi kewujudan setinggan ini.

SJ KELABU	70.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Pengurusan Koperasi Perniagaan	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Nasi Kepapasan dan Perakitan	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Pembentahan Aliran Perakitan	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Kelabu Koperasi Perniagaan	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Sk. Cawangan Kuala	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Agen Pemasaran Sembang	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Pusat Sk. Cawangan	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
SJK(C) SK. Cawangan	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Pembentahan Koperasi Perniagaan	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Pengurusan Koperasi Perniagaan	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Pembentahan Sk. Cawangan	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Pusat Sk. Cawangan	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Sk. Cawangan dan Pusat Sk. Cawangan	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

Sumber: Rancangan Malaysia Keenam, 1990-1995, m.s., 407

JADUAL PELAKU KEGIATAN		
POLIS	1	2
PERKERASAMAN	3	4
KELAB KAJANG	5	6
KELAB KAJANG	7	8
KELAB KAJANG	9	10
KELAB KAJANG	11	12
KELAB KAJANG	13	14
KELAB KAJANG	15	16
KELAB KAJANG	17	18
KELAB KAJANG	19	20
KELAB KAJANG	21	22
KELAB KAJANG	23	24
KELAB KAJANG	25	26
KELAB KAJANG	27	28
KELAB KAJANG	29	30
KELAB KAJANG	31	32

JADUAL 5.3

PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI MENGIKUT NEGERI, 1990

Projek	Projek	Jumlah Rumah	Jumlah Pembeli	Anggaran Nilai (\$juta)
Permai	40	14,747	10,472	733
Permai	8	2,095	1,259	81
Permai	17	1,942	946	113
Permai	19	3,544	2,310	176
Permai Jembilan	29	6,264	3,450	310
Permai	18	2,610	1,625	124
Permai	40	8,177	4,482	472
Permai	8	1,012	499	64
Permai	21	4,692	1,819	366
Permai	52	13,640	7,435	777
Permai	18	374	326	46
Persekutuan Kuala Lumpur	7	4,463	1,507	368
Permai	277	63,560	36,130	3,630

D. Membangunkan Kawasan Luar Bandar.

Bila satu-satu kawasan luar bandar dibangunkan dari aspek-aspek ekonomi dan sosial, penduduk di situ sudah tentu dapat meningkatkan taraf hidup mereka. Oleh kerana orang luar bandar berpendapat mereka boleh menjadi kaya dengan cepat di bandar maka mereka pun berhijrah ke bandar. Maka satu-satunya cara bagi menyekat penghijrahan di kalangan penduduk luar bandar terutamanya golongan belia adalah dengan membangunkan kawasan luar bandar. Sekiranya penghijrahan dapat dikurangkan atau disekat, kewujudan setinggan-setinggan yang baru juga dapat dikurangkan.

Bila diperkatakan mengenai membangunkan kawasan luar bandar, sektor yang akan diberi penekanan oleh kerajaan mahupun swasta adalah sektor pertanian dan industri kampung. Sektor pertanian dijangka akan berkembang pada kadar 3.5 % dalam tempoh 10 tahun yang akan datang.⁹ Teras bagi penglibatan sektor awam dalam pembangunan sektor pertanian dalam tahun-tahun sembilan puluhan ini akan diubahsuai kepada pembangunan *in-situ*.¹⁰

Teras *in-situ* akan ditumpukan ke atas tanah pertanian sedia ada dan kampung-kampung bagi menarik taraf infrastruktur yang perlu, mengendalikan pengeluaran dan menyediakan khidmat pengembangan kepada petani mengenai penggunaan teknologi yang sesuai.

Kemudahan pengairan untuk penanaman padi di lahan buah kawasan jelapang padi akan dinaiktaraf meliputi kawasan seluas lebih kurang 211,400 hektar. Tanah pertanian yang berasid sulfat dan bekas-bekas lombong akan dipulihkan secara berperingkat melalui penyediaan saliran terkawal dan teknik-teknik pemeliharaan tanah yang sesuai. Satu lagi rancangan kerajaan dalam membangunkan padi terbiar atau kawasan bukan padi akan diberi penekanan yang lebih oleh FELCRA.

-
9. Rangka Rancangan Jangka Panjang 1991 - 2000,
Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1991, m.s.
146
10. Rancangan Malaysia Keenam, 1990-1995, m.s. 126.

Lebih kurang separuh daripada kawasan yang dirancang untuk dipulihkan itu terletak di Kedah, Kelantan, Pahang dan Terengganu.

Kemajuan pembangunan pertanian akan digalakkan melalui penyediaan khidmat sokongan yang mencukupi yang akan melibatkan pembangunan manusia, kemudahan kewangan, insentif, rangkaian pemasaran serta penyelidikan dan pembangunan. Pembangunan industri ternakan akan memberi penekanan kepada penghasilan baka asli melalui proses penyelidikan dan pembangunan bagi menambahkan lagi keupayaan pengeluaran daging lembu dan kambing tempatan yang berdaya saing dari segi kos.

Pembangunan industri luar bandar juga dititikberatkan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Pembangunan industri luar bandar juga menyediakan peluang kepada usahawan Bumiputera di luar bandar untuk berkecimpung dalam sektor pembuatan moden.

Program-program yang sedang dirancang oleh kerajaan bagi pembangunan industri luar bandar ialah program pembangunan usahawan, pemasaran, infrastruktur dan kewangan dan kemudahan kredit. Usaha-usaha juga akan dijalankan bagi membaiki pemasaran, pembekalan bahan-bahan mentah serta meningkatkan produktiviti, teknologi, rekabentuk keluaran dan keupayaan pengurusan industri-industri luar bandar tersebut.

Sekiranya sektor pertanian dan perindustrian luar bandar dapat dimajukan seperti yang di rancang, ini dapat mewujudkan peluang pekerjaan yang banyak di kawasan luar bandar ini. Bila ekonomi luar bandar dapat dimajukan, taraf hidup penduduk luar bandar juga dapat dibaiki. Mereka ini tidak akan terdorong untuk mengejar kekayaan di kota. Pada tahun 1983, Majlis Tindakan Negara telah menyusun semula rancangan pembinaan bandar-bandar baru di seluruh negara.¹¹ Tujuannya adalah bagi menggalakan lebih ramai belia merebut peluang bekerja dan berusaha dalam sektor pertanian tanpa berhijrah ke kawasan bandar yang sedia wujud. Apabila rancangan-rancangan ini berjaya maka kewujudan setinggan di bandar dapat dikurangkan sedikit demi sedikit dan akhirnya dapat dibasmikan.

11. Utusan Malaysia, 22 April 1983, m.s. 1

E. Projek Sang Kanchil¹²/ Nadi

Projek Sang Kanchil adalah satu program yang dijalankan oleh kerajaan bagi membaiki keadaan sosial-ekonomi setinggan. Projek Sang Kanchil ini diasaskan dalam satu seminar kemiskinan dalam tahun 1978 yang dihadiri bersama oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Industri Pentadbiran Awam Negara (Intan) dan Unicef. Seminar tersebut telah diadakan untuk mengenalpasti kemiskinan di kalangan penduduk berpendapatan rendah di Kuala Lumpur. Berdasarkan resolusi dan strategi yang dicadangkan, Dewan Bandaraya dengan kerjasama beberapa pakar institusi dan agensi kerajaan telah membentuk satu program dalam bentuk projek yang dinamakan Projek Sang Kanchil.

Projek ini lebih mirip kepada kehidupan masyarakat kampung tempat prinsip "kekitaan" diamalkan sejak turun temurun. Dewan Bandaraya cuba menyatukan masyarakat setempat dengan mengadakan aktiviti-aktiviti yang diuruskan dengan kerjasama jawatankuasa dari penduduk di situ sendiri. Bagi DBKL, ia adalah satu projek yang amat penting. Di bawah Rancangan Malaysia Keempat, peruntukan sebanyak \$1.2 juta telah diutarkan kerana Dewan Bandaraya ingin menambah jumlah kampung-kampung di bawah projek itu dari 6 buah kepada 20.

12. Berita Harian, 5 April, 1983, m.s. 5

F. Tindakan Terhadap Setinggan Kg. Muhibah

Memandangkan Kg. Muhibah terletak berhampiran dengan Perhentian Keretapi Sg. Renggam, iaitu salah satu laluan keretapi dari Kuala Lumpur ke Pelabuhan Kelang, maka penghuni setinggan di sini adalah digelar "railway squatters". Penduduk setinggan Kg. Muhibah ini telah menduduki satu bahagian kecil daripada tanah simpanan Jabatan KTM.


Walaupun notis untuk pindah¹³ telah diberikan kepada setinggan di sini, namun tidak diendahkan oleh penduduk di situ. Mereka inginkan pampasan yang sewajarnya. Sikap tidak tegas oleh pihak KTM telah menyebabkan bilangan rumah setinggan semakin bertambah. Walau bagaimanapun, apabila KTM memulakan kerja-kerja bagi Projek Landasan Berkembarnya, maka langkah-langkah yang berkesan terpaksa diambil berhubung dengan setinggan ini. Rumah setinggan yang sedia ada diberi nombor agar rumah-rumah yang baru tidak didirikan.

Projek Landasan Berkembar¹⁴ adalah satu projek yang melibatkan pembinaan landasan berkembar dari Rawang ke Seremban dan dari Kuala Lumpur ke Pelabuhan Kelang. Projek ini dijalankan memandangkan kesibukan laluan keretapi di antara tempat-tempat di atas. Projek ini telah dirancang dalam Rancangan Malaysia Keempat tetapi kerja-kerja pembinaan hanya dimulakan pada akhir tahun 1989 dan dijangka siap pada tahun 1993. Sebanyak \$543 juta diperlukan bagi pelaksanaan projek ini. Keseluruhannya panjang landasan yang akan dibina adalah 288 kilometer (lihat peta 5.1)

13. Lihat Appendix C

14. Bahan bercetak dari Pejabat Projek Landasan Berkembar KTM

Peta 5.1 : Landasan Berkombinasi KTM



Sumber: Pengaruh Projek Rel Double Tracking KTM terhadap Persekitaran dan Biodiversiti

Projek Landasan berkembar ini juga merangkumi pemodenan sistem persempayanan dan komunikasi, pembelian 18 set tren Diesel Multiple Unit (DMU), pembelian 10 buah lokomotif serta 200 gerabak. Memandangkan projek ini adalah satu projek besar yang menelan belanja yang banyak, pihak KTM terpaksa menghadapi segala halangan yang datang dengan tegas. Masalah menempatkan semula setinggan adalah salah satu daripadanya.

Atas dasar perikemanusiaan, KTM telah mengambil langkah-langkah bagi memindahkan setinggan-setinggan yang terjejas akibat pelaksanaan projek ini. Bagi tujuan ini, kerajaan telah mengadakan peruntukan sebanyak \$98 juta untuk membina rumah panjang di beberapa tempat, iaitu :-

<u>Lokasi</u>	<u>bilangan (unit)</u>
Rawang	613
Jinjang	870
Pantai Dalam	1250
Balakong	910
Puchong	814
Pelabuhan Kelang	870
Seremban	50

Sumber: Jabatan Projek Landasan Berkembar, KTM

Tugas-tugas menyelaras penempatan semula setinggan dijalankan oleh kerajaan Persekutuan dan Negeri berserta dengan Unit Pelaksanaan dan Penyelarasaran, (Implementation and Coordination Unit) Jabatan Perdana Menteri. Dari angka yang diberi oleh pihak KTM, sebanyak 5,300 keluarga setinggan yang terlibat dalam penempatan semula di rumah-rumah panjang yang disediakan itu. Setakat ini, lebih 350 buah keluarga telah dipindahkan.

G. Kesimpulan

Walaupun setinggan merupakan satu masalah sosial bagi kerajaan dan hanya menambah beban kerajaan dalam berbagai aspek seperti kewangan, namun kerajaan masih bersedia membantu mereka. Penghuni setinggan harus bekerjasama dengan pihak kerajaan dalam mengatasi masalah setinggan ini. Sekiranya rancangan-rancangan kerajaan ini dapat dilaksanakan dengan cekap, besar kemungkinan masalah setinggan dapat dikurangkan secara beransur-ansur.

Bab VI

ULASAN DAN CADANGAN

A. Pendahuluan

Setakat ini telah diperhatikan masalah setinggan dari segi jenis-jenis setinggan, sebab dan akibat kewujudan setinggan serta langkah-langkah kerajaan dalam mengatasi masalah setinggan ini. Seterusnya di dalam bab ini akan diberikan satu ulasan mengenai masalah setinggan ini dan cadangan mengatasinya.

B. Ulasan Mengenai Setinggan

Masalah setinggan adalah satu masalah yang tidak dapat dicari penyelesaian dalam masa sekilip mata sahaja. Akar umbi masalah ini perlu dikenalpasti sebelum menentukan apakah tindakan yang harus diambil. Kewujudan setinggan bukanlah satu perkara yang disengajakan. Perkara ini dijelaskan oleh Aprodicio A. Laquian. Menurut beliau,

"They came to the city, attracted by the promise of easy living; they found life tough and merciless instead; yet they don't have the guts and the courage to return where they came from. Instead, they insist on burdening urban property owners, the goverment and civic-spirited citizens."¹

Dengan adanya orang yang bersikap seperti yang dikatakan oleh Aprodicio, sudah tentu bilangan setinggan akan bertambah.

1. Aprodicio A.Laquian, Slums Are For People, East-West Center Press, Honolulu, 1971, m.s. 30.

Sikap kerajaan terhadap penghuni setinggan ini juga telah menjadi satu lagi sebab kenapa masalah setinggan masih tidak dapat diatasi. Satu skim pinjaman perumahan² telah diadakan oleh kerajaan dan pinjaman ini hanya tertakluk kepada kakitangan kerjaan termasuk polis dan tentera. Ia adalah bagi membantu kakitangan kerajaan membeli rumah, tanah dan rumah pangsa. Seharusnya kerajaan menyediakan bantuan kewangan sedemikian bagi mereka yang menduduki kawasan setinggan dan mendapatkan kesukaran untuk membeli rumah.

Kelemahan atau kelembapan jentera pentadbiran di peringkat negeri dalam menghadapi masalah perumahan juga adalah satu lagi sebab masalah perumahan tidak dapat diatasi. Sumber kementerian memberi contoh bagaimana satu projek membina 50 unit rumah kos rendah di Selangor tergendala akibat campurtangan politik.³ Adanya campurtangan politik di dalam masalah perumahan boleh mewujudkan pilih kasih dalam meluluskan satu-satu permohonan bagi membeli rumah atau tanah. Ini menyebabkan masalah setinggan berterusan.

Adanya segolongan "settinggan opportunis" menduduki kawasan-kawasan settinggan menyebabkan satu-satu kawasan settinggan itu tidak dapat dibersihkan. Settinggan opportunis adalah terdiri dari mereka yang sebenarnya berkemampuan menikmati kehidupan yang lebih baik tetapi sengaja menduduki rumah settinggan dengan harapan mendapat pampasan sama ada dalam bentuk wang ataupun tanah. Menurut Aprodicio lagi,

-
2. Berita Harian, 26 Januari 1985, m.s. 8
 3. Mingguan Malaysia, 10 Februari 1985, m.s. 1

"They are professional squatters who have grown rich by exploiting their condition. There is no doubt that there are indeed some squatters who have lived off their condition and have made this a profitable profession. Some of the more obvious trick used by the squatters are speculating on newly opened government land, squatting on private property and refusing to move until they are paid off.....".⁴

Golongan opportunis ini biasanya mengemukakan tuntutan yang lebih dari yang boleh dipenuhi oleh pihak kerajaan. Ini menyebabkan peluang mendapatkan bantuan bagi setinggan yang benar-benar terdesak juga tidak dapat dilaksanakan dengan segera.

C. Kesan Projek Landasan Berkembar

Projek Landasan Berkembar ini merupakan satu projek yang dijalankan seiring dengan pembangunan yang dicapai oleh Malaysia. Projek ini dapat membaiki sistem perkhidmatan barang dan penumpang KTM serta menjimatkan masa perjalanan dan mengurangkan kesesakan lalulintas. Walaupun kos bagi perlaksanaan projek ini boleh dianggap tinggi tetapi projek ini memberi keuntungan yang sama tinggi juga.

4. op. cit., Aprodicio A.Laquian, m.s. 33

Penghuni setinggan Kg. Muhibah adalah satu penghalang kepada KTM dalam melaksanakan projek ini dengan jayanya. Oleh kerana penghuni setinggan di sini telah menjadi tanggunjawab KTM, maka terpaksa lah diusahakan cara bagi mengatasi masalah ini. Maka, KTM telah mendirikan rumah-rumah panjang untuk penempatan semula setinggan disini. Selain dari itu mereka ini juga diberi peluang membeli rumah-rumah sendiri. Tetapi semua usaha-usaha ini tidak disokong kuat oleh penghuni setinggan Kg. Muhibah ini. Dari kajian yang telah dijalankan, didapati kebanyakan dari mereka tidak begitu suka untuk berpindah ke rumah-rumah panjang yang telah disediakan oleh KTM. Alasan yang diberi adalah :

- i) jauh dari tempat kerja
- ii) saiz rumah panjang adalah sangat kecil
- iii) pelajaran anak mungkin terganggu.

Penghuni setinggan di sini tidak sedar bahawa mahu tidak mahu mereka terpaksa juga berpindah dari Kg. Muhibah. Ini adalah kerana Projek Landasan Berkembar sudahpun dimulakan dan ianya tidak akan dihentikan semata-mata kedegilan segelintir penghuni setinggan.

D. Cadangan-cadangan

Bagi mengatasi masalah setinggan ini ada 2 aspek yang harus di tekankan, iaitu:-

- a. membaiki sosio-ekonomi penghuni setinggan
- b. memberi peluang kepada penghuni setinggan menduduki rumah sendiri

1. Membaiiki sosio-ekonomi setinggan

a. Strategi jangka pendek

Dalam jangka pendek, keadaan sosial setinggan dapat dibaiki dengan melaksanakan projek-projek yang benar-benar memberi faedah kepada mereka. Antaranya ialah menambah bilangan paip awam, memberi kemudahan elektrik, mengadakan sistem pembuangan sampah yang baik dan sebagainya.

Hanya 31 % daripada kanak-kanak yang berumur antara 5 - 6 tahun golongan miskin di bandar mendapat pendidikan awalan di tadika.⁵ Sekiranya kerajaan dapat memastikan lebih ramai kanak-kanak mendapat pendidikan asas, dalam jangka panjang masalah setinggan dapat diatasi. Dari kajian yang telah dijalankan setelah Projek Sang Kanchil dilaksanakan, didapati pendidikan merupakan satu-satunya cara yang benar-benar berkesan dalam membaiki masalah ekonomi setinggan.

Pendidikan tidak formal seperti mengajar suri-suri rumahtangga tentang cara mengurus rumahtangga secara ekonomik, seni kraftangan yang boleh memberi pulangan yang memuaskan dan sebagainya dapat membantu membaiki taraf hidup keluarga setinggan. Program-program yang dapat menambah pendapatan isirumah setinggan seperti industri kecil boleh diusahakan dengan bantuan agensi-agensi seperti Majlis Amanah Rakyat(MARA).

5. Fong Chan Onn, Urban Poverty In Malaysia : Policies and Issues, Population Studies Unit, University Malaya
m.s. 119

b. Strategi jangka panjang

Dalam jangka panjang isu yang perlu diberi penekanan adalah perumahan. Kerajaan harus memastikan penghuni setinggan diberi keutamaan dalam menjual rumah-rumah kos rendah dan rumah pangsa. Syarikat-syarikat kewangan dan bank-bank harus meluluskan pinjaman mereka yang berpendapatan rendah.

Pejabat Tanah Negara haruslah diorganise semula dari segi bentuk pentadbiran dan kakitangan yang cekap dan mempunyai dedikasi yang bertanggungjawab kepada jawatannya untuk melicinkan segala proses permohonan tanah. Kerajaan juga harus mengadakan undang-undang supaya di kawasan-kawasan perindustrian yang baru, diadakan perumahan khas bagi pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah. UDA(Urban Developement Authority) sebagai sebuah agensi kerajaan yang diberi tugas memajukan kawasan dalam bandar, tidak harus hanya menitikberatkan projek-projek mewah yang tidak menguntungkan semua rakyat yang terlibat di kawasan itu sahaja. Sebaliknya ia harus mengambil daya usaha mengadakan projek yang dapat membantu penduduk bandar yang rendah taraf hidupnya misalnya dengan mendirikan rumah-rumah di kawasan yang tidak digunakan dan terbiar dan dijual kepada rakyat yang tidak berumah.

Satu daripada sebab wujudnya setinggan adalah daya tarik bandar-bandar seperti Kuala Lumpur, Shah Alam, Petaling Jaya, Johor Baharu dan sebagainya. Pembangunan bandar-bandar ini telah menyebabkan setinggan sedia meninggalkan kampung halaman masing-masing. Oleh itu, sewajarnya kerajaan-kerajaan negeri membangunkan pekan-pekan kecil menjadi sebuah bandar agar segala keistimewaan bandar-bandar besar ini boleh dinikmati di bandar baru ini. Ini adalah satu lagi cara bagi mengatasi masalah setinggan. Di sini peranan kerajaan-kerajaan tempatan adalah penting memandangkan mereka yang bertanggungjawab membangunkan kawasan di bawah penguasaan mereka.

2. Memberi peluang kepada penghuni setinggan untuk menduduki rumah sendiri

Penduduk setinggan harus diberi peluang untuk memiliki rumah sendiri. Perumahan tidak seharusnya dipolitikkan sebab dengan adanya campurtangan politik, mereka yang miskin dan tidak berdaya akan sentiasa teraniaya. Pernah berlaku kejadian di mana penghuni setinggan yang memohon rumah kos rendah kerajaan untuk beberapa kali masih tidak dilayan tetapi mereka yang mengenali orang-orang politik, mudah mendapat rumah hanya dengan memohon sekali.

Kerajaan juga harus bersikap adil kepada penghuni setinggan. Jika hendak dirobohkan rumah-rumah mereka, harus dipastikan mereka diberi rumah tetap yang lebih baik.

E. Penutup

Berasaskan kepada masalah kehidupan setinggan di Kg. Muhibah dapat dilihat nasib sebenar yang menimpa satu-satu keluarga setinggan. Daripada perbincangan mengenai setinggan yang telah dikemukakan dari Bab I dapatlah dibuat kesimpulan iaitu usaha untuk menghapuskan masalah setinggan mestilah disedari dan diambil berat oleh setiap pihak yang terlibat. Tanpa inisiatif kerajaan dan pihak swasta serta sokongan dan kerjasama dari pihak setinggan, nescaya segala langkah yang diambil bagi menyelesaikan masalah ini tidak akan berjaya. Ini akan menyebabkan masalah setinggan berpanjangan dan sukar dikawal.

Appendix A

BORANG SOALSELIDIK

MASALAH SETINGGAN DI SHAH ALAM: SATU KAJIAN KES DI
SG. RENGGAM

1. Umur Responden: 20-30 tahun _____
31-40 tahun _____
41-50 tahun _____
51 ke atas _____
2. Bangsa : Melayu _____
: India _____
: Cina _____
: lain-lain _____
3. Agama : Islam _____
: Hindu _____
: Kristian _____
: lain-lain _____
4. Bil. ahli dalam keluarga: Perempuan _____
: Lelaki _____
5. Taraf perkahwinan: Sudah berkahwin _____
: Bujang _____
: Duda _____
: Janda _____
: Bercerai _____
: lain-lain _____
6. Bilangan anak: (p) _____
: (l) _____
7. Taraf pendidikan: sekolah rendah _____
: sekolah menengah _____
: menengah atas _____
: diploma _____
: lain-lain(nyatakan) _____
8. Bahasa pertuturan di rumah: _____

9. Pekerjaan: Pegawai kerajaan _____

: Perniaga _____

: buruh am/swasta _____

: penganggur _____

: lain-lain _____

10. Gaji sebulan: \$300 ke bawah _____

: \$300 - \$500 _____

: \$500 - \$700 _____

: \$700 - \$900 _____

: \$1000 ke atas _____

11. Lain-lain pendapatan: _____

12. Jumlah perbelanjaan: _____

13. Tempat asal: _____

14. Lama tinggal di Sg. Renggam: kurang 1 tahun _____

: 1 - 5 tahun _____

: 5 - 10 tahun _____

: lebih 10 tahun _____

15. Sebab datang ke sini : _____

KEMUDAHAN DAN MASALAH ANDA

16. Adakah kemudahan-kemudahan berikut disediakan di tempat anda:-

a) bekalan letrik _____

b) bekalan air _____

c) jalan kecil/lorong _____

d) tempat buang samaph yang sesuai _____

e) pembetungan yang baik _____

f) lampu awam _____

17. Adakah terdapat kemudahan berikut di rumah anda?

a) t.v./radio/petisejuk/video _____

b) bilik(nyayakan bil) _____

c) tandas persendirian/awam _____

d) paip dalam rumah _____

18. Adakah anda menghadapi masalah-masalah berikut:-

- a) banjir(berapa kerap)
- b) kecurian/penipuan
- c) penagihan dadah di kalangan muda-mudi
- d) bunyi bising
- e) pergaduhan di kalangan jiran-jiran
- f) kemalangan (terutama di landasan keretapi)

19. Apakah lain-lain masalah yang anda hadapi di sini?

20. Jika diberi peluang, adakah anda sedia berpindah dari kawasan tanah haram ini?

21. Apakah jenis rumah yang anda ingin miliki? Kenapa?

- a) flat
- b) rumah murah
- c) tanah perancangan
- d) lain-lain (nyatakan)

22. Sudahkah anda memiliki rumah sendiri

23. Pernahkah anda diberi notis untuk pindah

24. Berapa kali

25. Apakah tindakan anda

26. Jika ada masalah, pernahkah anda minta bantuan:-

- a) polis
- b) majlis perbandaran
- c) lain-lain pihak (nyatakan)

BERIKAN PENDAPAT TENTANG PERKARA BERIKUT

27. Pelajaran anak-anak

28. Sebabwujud kawasan setinggan

29. Cara mengatasi masalah setinggan di Malaysia _____

30. Majlis Perbandaran Shah Alam _____

31. Apakah anda perlukan di kawasan tinggal anda ini?

32. Pernahkah anda mengalami sebarang peristiwa suka/duka selama tinggal di sini? Nyatakan peristiwa berkenaan

33. Adakah anda senang tinggal di Sg. Renggam berbanding dengan tempat asal?

Ya / Tidak / tetap sama

TERIMA KASIH KE ATAS SOKONGAN ANDA

Appendix B

Lampiran 1



Atas - Simpanan Pengaliran letrik yang lalu di Kg Muhibah

Bawah - Sebuah rumah contoh di Kg. Muhibah




Lampiran 2



Atas - Kebersihan yang tidak dipentingkan oleh penghuni
Kg Muhibah

Bawah - Kilang-kilang yang terdapat dengan Kg. Muhibah



Appendix C

KERETAPI TANAH MELAYU

Kepada: _____

PEMBERITAHUAN

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan telah memutuskan untuk membina sebuah lagi landasan keretapi di antara Rawang - Seremban dan Sentul - Kuala Lumpur - Pelabuhan Klang.

2. Mengikut bancian yang dijalankan didapati tuan/puan menduduki tanah keretapi yang terlibat dengan projek tersebut. Memandangkan projek ini akan dilaksanakan sedikit masa lagi tuan/puan diminta untuk mengosongkan kawasan tersebut dengan seberapa segera. Sila patuhi arahan ini supaya projek ini dapat dijalankan tanpa sebarang kelewatan.
3. Sukacita dinyatakan pemberitahuan awal ini dikeluarkan untuk memudahkan pihak tuan/puan mencari tempat kediaman/rumah yang lain.

Sekian dimaklumkan.

Dengan Perintah

PENTADBIRAN KERETAPI TANAH MELAYU

Tarikh: 12hb Februari 1990.

s.k. YB Setiausaha Kerajaan Negeri
YB Ahli Parlimen
YB Ahli Dewan Undangan Negeri
Ketua Polis Negeri
Ketua Polis Bandaraya
Pengarah Tanah & Galian Negeri
Pegawai Daerah
DBKL
UPP (Infrastruktur & Kemudahan Awam), JPM
Kementerian Pengangkutan Malaysia

Bibliografi

Buku-buku

1. Aprodicio A.Laquian, Slums Are For People, East-West Center Press, Honolulu, 1971.
2. Edwin S.Millis and BYung-Nak Song, Urbaisation and Urban Problems, Harvard University Press, 1979.
3. Fong Chan Onn, Urban Poverty in Malaysia: Policies and Issues, Population Studies Unit, Unversity Malaya, Kuala Lumpur.
4. G. SHABBIR Cheema, Reaching the Urban Poor, Project Implementation in Developing Countries, Westview Press, Boulder, 1986.
5. Mohd. Razali Agus, Politik Dalam Perumuhan, Gateway Publishing House Sdn. Bhd., K.Lumpur, 1986.
6. T.G. McGee, The South East Asia City, G.Bell and Sons Ltd., London, 1967.
7. William J.Keyes, S.J, Maria C.Ronald Burcroff, Housing The Urban Poor, Non Conventional Approaches to a National Problem, Quezon City, 1976.

Laporan / Kertas Persidangan / Rencana

1. Abdullah Hj. Ahmad, Setinggan di Bandaraya: dasar, isu dan masalah dari kacamata Kementerian, dalam Bengkel Masalah Setinggan do Kota 1979.
2. Battle for Housing Rights In Korea, Report of the South Korea Project of the Asian Coalition for Housing Rights, 1989.
3. Isu Konsep dan Dimensi Kemiskinan, Kumpulan Rencana Tentang Kemiskinan, dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
4. Ishak Shari, Kertas Seminar Pembangunan Tak Seimbang dan masalah Persetingganan di Kuala Lumpur, bengkel Masalah Setinggan di Kota 1979.
5. Peranan dan masalah Agensi Kerajaan dalam Pembangunan Bandar, dalam Seminar Pembandaran dan Pembangunan Negara.
6. Setinggan, Bengkel Krisis Bandar, Anjuran Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1976.
7. Zainal Rampak, Masalah Persetingganan dan cara-cara Mengatasinya, dalam Seminar Belia dan Alam Sekitar.

Thesis / Latihan Ilmiah

1. Katiman Rostam, Pembandaran dan Masalahnya, University Malaya, Kuala Lumpur.
2. Kerry Dean Feldman, Squatters and Squatting in Davao City Philippines : The Dynamics of an Adaptive Institution in the Urbanization Process of a Developing Country, University of Colorado, Ph.D., 1973.
3. Krausse, Gerald Hans, The Kampung of Jakatya Indonesia : A Study of Spatial Patterns in Urban Poverty , University of Pittsburgh, Ph.D., 1975.
4. Laila Wati bt. Judin, Masalah Setinggan di Kuala Lumpur: dengan pengkhususan khas di Kg. Pandan, 1977.
5. Noor Salferina Omar, Masalah Sosio ekonomi masyarakat Setinggan: Satu Kajian Kes di Kg. Melayu Bumi Hijau, 1988.

Akhbar / Majalah


1. New Straits Times
2. Beita Harian
3. Mingguan Malaysia
4. Utusan Malaysia
5. Jajaran, Suara Rasmi Keretapi Tanah Melayu, Januari, 1991.
6. Dewan Masyarakat, Ogos, 1986


Cetakan Kerajaan

1. Rancangan Malaysia Kelima, 1986-1990
2. Rancangan Malaysia Keenam, 1991-1995
3. Rangka Rancangan Jangks Panjang, 1991-2000
4. Taklimat D.B.K.L Kepada Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan, 1986.
5. Bahan Bercetak dari Pejabat Projek Landasan Berkembar KTM.

Temuramah Rasmi

1. Pegawai di Pejabat Projek Landasan Berkembar KTM
2. Pegawai di MPSA
3. Pegawai di PKNS
4. Pegawai di Jabatan Perangkaan Malaysia
5. Pegawai di Jabatan Pembangunan Bandar dan Desa.





TAMAT

0 MM 10 20 30 40 50 60 70 80 90 100 110 120 130 140 150

UNIVERSITY OF MALAYA LIBRARY .

MICROFILM

0 CM 1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 11 12 13 14 15